BAB IV

BAB IV
PRINSIP-PRINSIP KOMUNIKASI DALAM SURAH *AL-ḤUJURĀT*

IV.1. Pendahuluan.

Pada bab-bab terdahulu telah dihuraikan bahawa komunikasi dalam kehidupan manusia merupakan suatu aktiviti yang mana setiap manusia pasti melakukannya, sama ada komunikasi lisan (verbal) mahupun bukan lisan (nonverbal).

Surah *al-Ḥujurāt* merupakan salah satu surah dalam al-Qur'an yang mengandungi pelbagai prinsip komunikasi bagi manusia. Justeru itu, penulis memilih surah tersebut untuk dikaji dalam bab ini. Penulis akan menghuraikannya dalam beberapa sub pembahasan seperti yang akan dijelaskan di bawah ini.

IV.2. Etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W.

Firman Allah menyatakan:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ
بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ(٢) إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ

رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ(٣)إِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ(٤)وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا حَتَّى تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ(٥)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa. Bagi mereka keampunan dan pahala yang besar. Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar bilik (mu) kebanyakan mereka tidak mengerti. Dan sekiranya mereka bersabar sampai kamu keluar menemui mereka sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):2-5.

Pada ayat di atas, terdapat pengajaran etika yang sangat tinggi daripada Allah S.W.T. kepada manusia dalam hal berkomunikasi dengan utusan-Nya. Namun sebelum menjelaskan lebih jauh tentang pembahasan ini, akan dihuraikan terlebih dahulu pengertian etika serta dasar yang dijadikan landasan dalam etika Islam yang mengatur segala aspek perilaku manusia khususnya dalam hal berkomunikasi.

IV.2.1. Pengertian etika dan landasannya dalam Islam.

Secara etimologi perkataan etika atau *ethics* (dalam bahasa Inggeris), berasal daripada Bahasa Latin *ethice* yang mengandungi erti filsafat moral[1], atau dalam bahasa Yunani *ethika* yang bererti sesuatu yang berkenaan dengan moral, akhlak, dan perilaku.[2]

Menurut kajian epistemologi, etika itu bermakna:

(1) Ilmu tentang apa yang baik dan apa yang buruk dan tentang hak dan kewajipan moral.

(2) Kumpulan asas/nilai yang berkaitan dengan akhlak.

(3) Nilai mengenai benar atau salah yang dianut suatu golongan atau masyarakat.[3]

Dalam Kamus Dewan, perkataan etika diertikan sebagai "ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral" atau "prinsip moral (akhlak) dan nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan".[4]

---

[1] Sir William Smith and Sir John Lockwood (2000), *Chambers Murray Latin-English Dictionary*. Cambridge : United Kingdom at The University Press, h.237.

[2] *An Intermediate Greek-English Lexicon* (1999), 7th Edition , New York: Oxford University Press, h.349.

[3] Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1990), *Kamus Bahasa Indonesia*. cetakan ke-3, Indonesia: Balai Pustaka, h.237.

[4] Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), *Kamus Dewan*. edisi ketiga Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 345.

N.S. Doniach dalam bukunya *The Oxford English-Arabic Dictionary*[1], mengertikan kata *ethic*, iaitu:

نِظَامٌ اَوْ مَبْدَأٌ أَخْلاَقِي؛ عِلْمُ الأَخْلاَقِي؛ قَوَاعِدُ أَخْلاَقِيَّةٌ

Maksudnya:
"Peraturan-peraturan atau dasar akhlak; ilmu akhlak; kaedah-kaedah akhlak".

Dalam *The Dictionary of Psychology*, kata *Ethics* diartikan "*a Branch Of Philosophy that deals with moral values and systems of beliefs focused on the differences between right and wrong*"[2] (suatu cabang daripada filsafat yang berkenaan dengan nilai-nilai moral dan sistem kepercayaan yang memusatkan pada perbezaan antara baik dan buruk).

Beberapa definisi di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa etika ialah ilmu yang membahaskan dasar akhlak atau moral yang mengatur manusia dalam perilakunya, yang dengan ilmu tersebut dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk.

Dari definisi-definisi di atas, kita menemukan persamaan istilah etika dengan akhlak, seperti dalam definisi etika yang dijelaskan oleh *The Oxford English-Arabic Dictionary* di atas. Jadi dengan adanya persamaan antara kedua-duanya, dapat

---

[1] N.S. Doniach (ed.) (1972), *The Oxford English-Arabic Dictionary Of Current Usage*. Britain: Oxford University Press, h.397.
[2] Raymond, J., et.al. (1999), *The Dictionary of Psychology*, United States: Taylor & Francis, h.343.

dirumuskan suatu persepsi bahawa kajian etika dalam pengertian lebih umum, merupakan satu skop kajian dengan kajian akhlak dalam Islam.

Sebagai suatu aktiviti yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia, komunikasi mempunyai etika atau akhlak yang mesti dipatuhi. Kerana pada dasarnya komunikasi sama seperti aktiviti-aktiviti lain, yang tidak terlepas daripada hukum baik dan buruk.

Sebelum membincangkan hukum baik dan buruk, kita mesti mengetahui terlebih dahulu, apa landasan etika dalam Islam yang dapat menghukum bahawa sesuatu itu hukumnya baik atau buruk?.

Dr. Muḥammad 'Abd Allāh Darāz[1], menjelaskan terdapat empat landasan etika dalam Islam, iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, ijma' dan Qiyas. Keempat-empat landasan inilah yang menjadi neraca nilai etika dalam Islam, sehingga dengan keempat-empat landasan tersebut dapat menilai baik atau buruknya semua aspek kehidupan manusia dalam hubungan dengan Tuhan, sesama manusia mahupun dengan makhuk yang lainnya.

Jika kita amati bahawa secara teori, komunikasi Islam dengan komunikasi non-Islam tidak begitu banyak perbezaan. Namun yang membezakan antara

[1] Dr. Muḥammad 'Abd Allāh Darāz (1982), *Dustūr al-Akhlāq fi al-Qur'ān*. Bayrut: Mu'assasat al-Risālat, h.37-47.

komunikasi Islam dengan komunikasi non-Islam adalah faktor landasan filosofinya. Sebab komunikasi Islam didasarkan pada keempat landasan di atas manakala komunikasi non-Islam berdasarkan pada budaya (*culture*).

Dengan demikian landasan etika antara kedua-duanya pun berbeza. Komunikasi Islam berlandaskan etika religius, seperti yang telah dijelaskan di atas. Sedangkan landasan etika komunikasi non-Islam berlandaskan landasan etik sekuler, iaitu budaya. Perbezaan yang sangat signifikan inilah yang menyebabkan komunikasi dalam perspektif Islam tidak terlepas dari aturan-aturan agama.

Proses komunikasi dalam pandangan etika Islam bukan sekadar mempunyai tanggungjawab sosial sahaja, bahkan mempunyai tanggungjawab di hadapan Allah S.W.T.. Berbeza dengan etika sekuler, di mana apabila terjadi bentuk pelanggaran terhadap etika tersebut hanya akan berakibat terhadap lingkungan sosial sahaja, seperti diasingkan dari lingkungan sosial atau dijauhi oleh masyarakat. Ini kerana etika sekuler ini terbentuk daripada budaya sosial di suatu tempat, yang boleh jadi etika budaya sosial ini berlainan antara suatu tempat dengan tempat yang lain.

Sementara itu, bentuk pelanggaran terhadap etika Islam bukan hanya akan berakibat terhadap sosial sahaja, melainkan akan memperoleh akibat di akhirat, iaitu akan berlakunya penurunan kualiti spritual keagamaan (*spiritual degradation*).

IV.2.2. Larangan meninggikan suara kepada Rasulullah S.A.W.

Firman Allah:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ(٢)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):2.

Dalam ayat di atas terdapat dua kaedah etika dalam berkomunikasi atau adab sopan dalam berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W.. Yang pertama, larangan meninggikan suara di atas suara Baginda. Larangan ini menunjukkan bentuk penghormatan kepadanya. Kerana Baginda adalah orang yang paling dekat dengan Allah S.W.T., di samping itu perkataan Baginda mengandungi kebenaran. Seperti dalam firman-Nya yang menyatakan:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَى(٣)إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى(٤)

Maksudnya:
"Dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Qur'an) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)."

Terjemahan Surah *al-Najm* (53):3-4.

Etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W. dalam ayat di atas adalah dengan cara menghormati Baginda dalam hati dengan penghormatan yang terpantul dalam nada-nada suara. Dengan etika ini dapat membezakan peribadi Baginda dalam kedudukannya di kalangan para sahabatnya.[1] Kerana dengan meninggikan suara kepadanya mengandungi makna hilangnya penghormatan dalam berkomunikasi dengannya. Kerana dalam proses komunikasi yang mengandungi penghormatan ialah di mana suara pembicara (komunikator) lebih rendah daripada suara pendengarnya (komunikan).[2]

Dalam berkomunikasi, terutamanya berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W., merendahkan nada suara mengandungi makna penghormatan. Menurut kajian para pakar komunikasi, bahawa lazimnya seseorang dalam keadaan marah atau menegaskan sesuatu, dia cenderung meninggikan nada suaranya. Dan apabila seseorang akan mengungkapkan perasaan sayang atau pengertian, maka dia cenderung untuk merendahkan nada suara.[3]

Dalam proses komunikasi juga bukan hanya pengaruh personaliti sahaja yang dapat menguatkan mesej yang disampaikannya, melainkan bagaimana dia menyampaikan mesej itu. Dalam hal ini para pengkaji komunikasi menemukan

---

[1] Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3339.
[2] Al-Ṭabāṭabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 312.
[3] Rakhmat (1989), *op.cit.*, h.333.

bahawa kebanyakan orang-orang menghubungkan bunyi suara dengan sifat atau perilaku seseorang.[1]

Suara dalam berkomunikasi merupakan gambaran emosi seseorang ketika menyampaikan mesejnya. Meninggikan suara merupakan suatu gejala umum yang menunjukkan perasaan seseorang yang sedang marah atau tidak ada nilai penghormatan, termasuk di kalangan orang-orang Arab pada masa itu ketika turunnya ayat dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas.

Namun di sini perlu ditegaskan, bahawa larangan meninggikan suara pada ayat di atas, bukan ditujukan pada suatu keadaan tertentu, sama ada dalam keadaan marah atau tidak. Namun inti daripada kandungan larangan tersebut ialah penghormatan kepadanya dalam berkomunikasi, iaitu dengan cara merendahkan suara di bawah suara Rasulullah S.A.W..

Dengan merendahkan suara kepada Rasulullah S.A.W., akan melahirkan sifat kasih sayang, penghormatan dan memuliakan Baginda di atas manusia yang lainnya. Dengan keluhuran budi pekerti yang Rasulullah miliki, maka layaklah Baginda mendapat penghormatan serta kemuliaan daripada umatnya.

---

[1] Stewart L. Tubbs & Sylvia Moss (2000), *Human Communication*, 8th edition, United States of America: McGraw-Hill Companies Inc., h.127.

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ(١٢٨)

Maksudnya:
"Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin."

Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9): 128.

Selanjutnya kaedah etika kedua daripada ayat ke 2 Surah *al-Ḥujurāt* di atas, ialah larangan berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian mereka terhadap sebahagian yang lain. Larangan ini mengandungi makna tersirat yang sama dengan larangan pertama di atas.

Namun pada kaedah etika yang kedua ini penekanannya pada penghormatan dalam berkomunikasi yang khas kepada Rasulullah S.A.W., yang tidak ada seorang pun setingkat dengannya, kerana kedudukan ini tidak diberikan selain kepada Baginda. Etika yang kedua ini ialah adab sopan serta penghormatan kepada Baginda di atas segala manusia, sehingga dilarang meninggikan suara kepadanya sepertimana meninggikan suara kepada yang lainnya. Seperti dalam ayat di bawah ini yang menyatakan: .

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

Maksudnya:
"Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian (yang lain)..."

Terjemahan Surah *al-Nūr* (24):63.

Kedua-dua larangan Allah di atas menunjukkan pemahaman yang sama, iaitu kemulian Nabi ke atas seluruh manusia, sehingga etika dan adab sopan dalam berkomunikasi mesti dibezakan dengan orang lain. Hal ini kerana keadaan Baginda lebih utama daripada manusia-manusia yang lain, firman-Nya menyatakan:

النَّبِيُّ أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ

Maksudnya
"Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang mukmin daripada diri mereka sendiri ..."

Terjemahan Surah *al-Aḥzāb* (33):6.

Dalam penjelasan di atas menunjukkan bahawa dalam berkomunikasi, nada atau bunyi suara sangat menentukan makna serta keberkesanan komunikasi tersebut. Sebagai contoh, iaitu dalam penyampaian suatu pesan yang sama dapat memberikan erti yang berbeza jika diucapkan dengan suara yang berbeza. Dengan meninggikan atau mengeraskan suara ketika berkomunikasi, akan memberi kesan yang negatif sehingga akan menjejaskan nilai komunikasi, iaitu hilangnya nilai penghormatan, kemesraan, kasih sayang, dan keakraban.

Besarnya pengaruh suara dalam proses komunikasi, sehingga dalam pembahasan ilmu komunikasi masalah suara ini ditempatkan ke dalam salah satu sub pembahasan komunikasi bukan lisan (nonverbal), dan kajian tentang ini mempunyai kajian yang tersendiri, iaitu kajian *paralinguistic* atau *paralanguage*, yang salah satu

pembahasannya tentang *voice qualities* (kualiti suara), yang terdiri daripada nada (*pitch*), jarak (*range*), gema (*resonance*), pengawalan lisan (*lip control*), pengawasan dalam pengucapan (*articulation control*).[1]

Dalam kajian tersebut dijelaskan bahawa suara merupakan suatu bentuk komunikasi bukan lisan yang dapat memberikan makna tersendiri. Orang yang meninggikan suara dianggap sebagai orang yang agresif (menyerang).[2] Kesan ini merupakan makna bukan lisan yang tergambar daripada tingginya suara pembicara kepada pendengarnya.

Sementara itu dalam melakukan proses komunikasi, orang akan lebih percaya kepada makna yang terkandung dalam komunikasi bukan lisan berbanding komunikasi lisan. Pada bab kedua telah dihuraikan tentang teori "*the double bind*", iaitu jika terjadinya pertentangan antara mesej bukan lisan dengan mesej lisan, maka orang akan lebih bersandar kepada mesej bukan lisan.

Dapat dilihat pada *sabab al-nuzūl* ayat kedua Surah *al-Ḥujurāt* ini, iaitu kes yang membabitkan dua orang sahabat yang mulia. Di mana pada waktu itu kedua-dua sahabat tersebut meninggikan suara di atas suara Nabi. Kedua-duanya saling berdebat antara satu sama lain, yang mana isi perdebatan tersebut tidak ada perkataan yang dapat menyakiti hati Rasulullah S.A.W.. Namun yang menjadi

[1] Stewart L. Tubbs & Sylvia Moss (2000), *op.cit.*, h.126.
[2] *Ibid.*, h.127.

permasalahan dari perdebatan itu ialah mesej bukan lisan daripada perdebatan tersebut, iaitu tingginya suara kedua-dua sahabat kepada Rasulullah S.A.W..

Meninggikan suara kepada Baginda Rasul, merupakan bentuk komunikasi bukan lisan (nonverbal) yang lebih memberikan kesan hilangnya penghormatan kepada Rasulullah dibandingkan dengan mesej lisan yang disampaikan oleh kedua-dua sahabat tersebut. Seperti yang dijelaskan dalam sebab turunnya ayat tersebut di bawah ini:

> "Adalah Ibn Mulaykah yang meriwayatkan, bahawa hampir saja dua orang terbaik (pada waktu itu) binasa, iaitu Abū Bakar dan 'Umar, kerana kedua-duanya telah berbicara dengan suara keras di depan Nabi Muḥammad S.A.W.. Peristiwanya terjadi ketika tibanya utusan rombongan Banī Tamīm pada tahun ke-9 Hijriah. Abū Bakar mengusulkan agar Nabi mengangkat al-Aqra' sebagai juru bicara rombongan itu; sedang 'Umar mengusulkan supaya Bani Mujāsyi' (al-Qa'qa bin Ma'bad). Maka Abū Bakar pun berkata kepada 'Umar: "Anda hanya akan menentangku". 'Umar menjawab: "Aku tidak bermaksud menentangmu," dan bertambah keraslah suara kedua-dua sahabat itu, lalu Allah S.W.T. menurunkan ayat ke 2 surah *al-Ḥujurāt*.[1]

Sabab al-nuzūl ayat ini menunjukkan bahawa yang menjadi tumpuan daripada peringatan Allah kepada dua orang sahabat Nabi itu, bukanlah isi daripada perdebatan kedua-dua sahabat tadi, namun yang diperingatkan oleh Allah ialah tingginya nada suara mereka kepada Nabi. Kerana pada dasarnya yang mereka perdebatkan bukanlah masalah yang essential (bukan masalah yang berkaitan dengan

[1] Al-'Athqalāni (1991), *op.cit.*, J.IX, h:565-566.

akidah atau syari'ah), melainkan masalah teknis, iaitu masalah pengangkatan juru bicara rombongan.

Dalam penjelasan bab kedua telah dihuraikan bahawa perbezaan etika sekuler dengan etika Islam ialah jika terjadinya pelanggaran terhadap etika sekuler, maka akan mengakibatkan hukum sosial, berupa diasingkan oleh masyarakat atau terkena hukum adat sahaja. Berbeza dengan etika Islam, apabila terjadinya pelanggaran terhadap nilai etika ini maka bukan hanya akan mengakibatkan hukum sosial sahaja melainkan akan mengakibatkan hukum akhirat.

Demikian juga dalam berkomunikasi, Allah menjelaskan dalam ayat di atas beberapa kode etika sewaktu berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W., yang mana apabila berlaku pelanggaran terhadap nilai etika dalam komunikasi tersebut, maka akan mengakibatkan hukum akhirat, iaitu terjadinya penurunan kualiti spiritual (*spiritual degradation*), yang dalam hal ini akan terhapusnya pahala amal-amal baik dengan tidak disedari. Firman-Nya:

أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ(٢)

Maksudnya:
"....supaya tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):2.

Sebaliknya apabila kode etika komunikasi tersebut dilaksanakan, maka akan melahirkan peningkatan kualiti spiritual, yang dalam hal ini adalah meningkatnya kualiti ketakwaan. Seperti dalam firman-Nya yang menyatakan:

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ(٣)

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa. Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):3.

Merendahkan suara kepada Nabi dalam ayat di atas menunjukkan kualiti ketakwaan, dan merendahkan suara ini memberikan kesan sifat pemaaf yang merupakan sifat orang-orang yang bertakwa, yang dijelaskan dalam ayat berikut ini:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ(١٣٤)

Maksudnya:
"(iaitu) orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan."
Terjemahan Surah *Āli 'Imrān* (3):134.

Setelah Allah S.W.T. menjelaskan beberapa kaedah etika tentang etika komunikasi dengan Rasulullah S.A.W., selanjutnya Allah S.W.T. menyentuh suatu

peristiwa yang berlaku kepada Bani Tamim, iaitu ketika mereka datang kepada Rasulullah untuk menyatakan masuk Islam, yang pada waktu itu dikenali dengan nama "tahun rombongan-rombongan". Mereka memanggil Nabi dengan suara yang keras di luar bilik-bilik isteri Nabi, yang dijelaskan pada ayat di bawah ini.

إِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ(٤)وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا حَتَّى تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ(٥)

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar kamar (mu) kebanyakan mereka tidak mengerti. Dan sekiranya mereka bersabar sampai kamu ke luar menemui mereka sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):4-5.

Proses komunikasi adalah suatu proses penyampaian mesej, yang inti daripada proses penyampaian mesej ini ialah bagaimana supaya pendengar dapat memahami serta menerima mesej yang disampaikan. Pendengar akan memberikan penghargaan serta menerima mesej yang disampaikan, apabila pembicara (komunikator) menyampaikan mesejnya dengan menggunakan cara yang baik yang disesuaikan dengan keadaan pendengar (komunikan). Hal ini demikian, kerana dalam proses komunikasi terdapat beberapa aspek yang akan mempengaruhi persepsi pendengar kepada pembicara, antaranya adalah dalam pengucapan bahasa.[1]

Bentuk pengucapan bahasa yang dijelaskan dalam ayat di atas adalah meninggikan suara. Hal ini jelas menunjukkan suatu bentuk komunikasi yang tidak

[1] Rakhmat, M.Sc. (1989), *op.cit.*, h.93-99.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

efektif. Kerana nilai efektif dalam proses komunikasi adalah bagaimana mesej itu dapat disampaikan dan difahami oleh pendengar dengan menggunakan cara yang tepat. Dalam kes ayat di atas, jelas menunjukkan tidak efektifnya dalam cara peyampaian mesej kepada Rasulullah S.A.W., iaitu dengan memanggil di luar bilik-bilik isteri Nabi dengan suara yang kuat. Kerana dengan cara seperti ini mesej yang disampaikan akan terjejas oleh tingginya suara.

Dalam kaitan ini, ada empat faktor yang akan memelihara keseimbangan dan memperteguh hubungan interpersonal, iaitu keakraban, kawalan, tindak balas yang tepat, dan nada emosional yang tepat.[1] Kes dalam ayat di atas mencerminkan tidak adanya beberapa faktor yang dapat memelihara keseimbangan dalam hubungan interpersonal, terutamanya ialah faktor kawalan dan nada emosional dalam menyampaikan mesej.

Bentuk kawalan dalam hubungan komunikasi interpersonal, ialah sama ada pembicara mahupun pendengar mesti memahami siapa yang dihadapi, dan siapakah yang mesti banyak bicara, siapa yang menentukan, dan siapakah yang dominan. Jika yang dihadapinya ialah seorang yang dimuliakan seperti Rasulullah S.A.W., maka cara penyampaian, isi mesej, serta kekerapan pembicaraan mesti menunjukkan bentuk penghormatan kepadanya.

---

[1] *Ibid*, h. 143.

Jika tahap kawalan ini telah dilakukan, maka dengan sendirinya pengendalian nada emosional dalam penyampaian mesej akan memperlihatkan kesesuaian dengan pendengar yang kita hadapi.

Sikap kawalan inilah menyebabkan para sahabat ketika menghadiri suatu majlis dengan Rasulullah, mereka menundukkan pandangannya dan diam, kecuali sekiranya mereka ditanya tentang sesuatu oleh Baginda. Dalam beberapa keadaan, jika para sahabat ditanya oleh Rasulullah tentang sesuatu perkara, sering kali mereka menjawab dengan jawaban "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui". Ini menunjukkan bentuk penghormatan yang sangat tinggi di kalangan para sahabat pada waktu itu.

Sebaliknya memanggil Rasulullah S.A.W. di belakang bilik-bilik isteri Baginda, menunjukkan tidak adanya faktor kawalan dan tidak ada pengendalian terhadap nada emosional, iaitu nada suara dalam penyampaian mesej. Oleh yang demikian Allah S.W.T. mensifatkan mereka sebagai orang yang tidak mengerti etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W..

Padahal jika mereka bersabar sehingga Rasulullah S.A.W. keluar dari biliknya, yang demikian lebih baik bagi mereka untuk mengungkapkan apa-apa yang ingin disampaikan kepadanya. Cara itu merupakan cara yang terbaik menurut pandangan Allah S.W.T., dan cara itu pula yang akan menjaga penghormatan kepadanya serta menjaga jangan sampai amal baik mereka terhapus kerana

melakukan bentuk komunikasi dengan Rasulullah S.A.W. yang bercanggah dengan kode etika yang telah Allah jelaskan pada ayat-ayat sebelumnya.

Islam mengatur etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W. dengan sangat sempurna, kerana Islam menggagaskan bahawa proses komunikasi ini merupakan salah satu bentuk ibadah horizontal (*habl min al-nās*). Melalui proses komunikasi yang telah diatur oleh Allah S.W.T. dalam ayat di atas, diharap akan melahirkan suatu bentuk komunikasi yang mencerminkan nilai-nilai komunikasi yang menunjukkan ketundukan terhadap aturan Allah S.W.T., kerana dalam Islam segala aktiviti dalam kehidupan mesti menunjukkan ketundukan kepada-Nya. Sebagaimana firman-Nya:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ(١٦٢)لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ
أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ(١٦٣)

Maksudnya:
"Katakanlah:"Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam, tiada sekutu bagi-Nya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri (kepada Allah)"."
Terjemahan Surah *al-An'ām* (6):162-163.

IV.2.3. Kaitan komunikasi yang baik kepada Rasulullah S.A.W. dalam kehidupan semasa.

Huraian tentang etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W. di atas, merupakan kode etika bagi manusia secara umum, meskipun ayat ini berkenaan dengan kejadian yang berlaku pada masa Nabi. Namun implementasi etika ini dalam kehidupan sekarang atau setelah wafatnya Nabi, adalah suatu kemestian namun dalam bentuk yang berbeza dengan masa sahabat dulu ketika Rasulullah S.A.W. masih hidup. Hal demikian kerana selaras dengan al-Qur'an itu sendiri yang sesuai dengan kehidupan manusia tanpa dibatasi oleh tempat dan masa, maka nilai-nilai yang terdapat di dalamnya akan tetap relevan dengan kehidupan manusia, termasuk nilai-nilai etika yang telah dihuraikan di atas.

Terdapat dua aspek hasil kajian pada ayat kedua sampai ayat kelima Surah *al-Ḥujurāt* di atas, kaitannya dalam implementasi nilai etika tersebut dalam kehidupan semasa. Yang pertama, tinjauan secara makro, bahawa ayat tersebut menunjukkan adanya nilai etika universal, iaitu memberikan kesan penghormatan dalam berkomunikasi dengan merendahkan suara.

Secara umum meninggikan suara akan memberi kesan hilangnya penghormatan, dan sebaliknya merendahkan suara dapat memberi kesan penghormatan. Hal demikian sesuai dengan salah satu wasiat Luqmān kepada

anaknya, iaitu supaya merendahkan suara ketika berbicara, yang dijelaskan dalam ayat di bawah ini:

وَاقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ(١٩)

Maksudnya:
"Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu, sesungguhnya seburuk-buruknya suara ialah suara keldai."
Terjemahan Surah *Luqmān* (31):19.

Ini menunjukkan bahawa merendahkan suara sangat berpengaruh pada kesan positif dalam berkomunikasi, sehingga nilai etika ini menjadi wasiat penting seorang bapa – dalam hal ini Luqmān – kepada anaknya. Perintah merendahkan suara pada ayat di atas, ditempatkan setelah perintah mendirikan solat dan perintah agar mengerjakan perkara yang makruf serta menjauhi perkara yang munkar, ini menunjukkan pentingnya perkara tersebut dalam kehidupan manusia.

Nilai etika ini dijelaskan juga dalam ayat lain, iaitu berkenaan dengan menghormati orang tua dalam berkomunikasi, iaitu dengan cara merendahkan suara kepadanya, seperti dalam firman-Nya:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا(٢٣)وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا(٢٤)

Maksudnya:
"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu dengan

sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada kedua-duanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil."

Terjemahan Surah *al-Isrā'* (17):23-24.

Jadi etika merendahkan suara yang terdapat dalam surah *al-Ḥujurāt* menurut tinjauan ini menunjukkan suatu perintah yang bersifat umum, ertinya nilai etika ini bukan hanya kepada Rasulullah S.A.W. sahaja, melainkan perintah merendahkan suara ini dalam ayat-ayat di atas diperintahkan kepada siapapun juga. Jadi intinya bahawa penghormatan dalam berkomunikasi kepada siapapun juga dapat dilakukan salah satunya dengan cara merendahkan suara.

Aspek yang kedua, bahawa nilai etika ini berkaitan dengan diri Baginda sendiri sesuai dengan zahir ayat di atas, sehingga bentuk penghormatan ini tetap relevan sama ada Baginda masih hidup mahupun setelah wafat. Seperti Yang dijelaskan oleh beberapa mufassir, bahawa meninggikan suara kepada Rasulullah S.A.W. ketika masih hidup sama seperti setelah Baginda wafat, sehingga larangan ini membawa implikasi pada larangan meninggikan suara di makam Rasulullah S.A.W., serta ketika dibacakan Hadith Nabi. Ini kerana apa-apa yang diwajibkan

kepada manusia ketika Baginda masih hidup, tetap berlaku meskipun Baginda telah wafat.[1]

Juga diperkuat oleh pendapat Syeikh Muḥammad al-Amīn al-Syanqīṭī yang dikutip oleh Muḥammad al-Amīn al-Anṣāri, dia menjelaskan bahawa hormat kepada Rasulullah S.A.W. setelah wafat sama seperti hormat semasa Baginda masih hidup, dan menjadi ketetapan adat bagi manusia bahawa apabila berada dekat dengan makam Rasulullah S.A.W. maka bersuara keras, hiruk pikuk, berteriak, semua itu tidak diperbolehkan. Apabila orang melakukan hal tersebut maka dia telah melakukan perkara yang munkar.[2]

Beberapa pendapat para mufassir di atas menunjukkan suatu cara penghormatan kepada Nabi meskipun Baginda telah wafat. Dan nilai etika ini menunjukkan kemuliaan Rasulullah ketika hidup adalah sama meskipun Baginda telah wafat.

Para sahabat ketika mendengar nasihat Rasulullah S.A.W. pada masa Baginda masih hidup, mereka selalu menundukkan pandangan, merendahkan suara, serta kadang kala menangis. Maka demikian pula ketika dibacakan Hadith Nabi,

---

[1] Al-Imām al-Jalīl al-Ḥāfiẓ 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' 'Ismā'īl bin Kathīr al-Quraysyiy al-Dimasyqiy (1966), *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm*, J. 6, cet. I, Bayrut: Dār al-Andalūs, h. 370. Dan pada: al-Sayyid Maḥmūd Syukra al-Alusi al-Baghdādi (t.t.), *Rūh al-Ma'āni*, J. 26 Bayrut, Lubnān: Iḥyā' al-Turāth al-'Araby , h. 137.

[2] Al-Anṣāri (1984), *op.cit.*, h. 299.

seseorang mesti menghormatinya dengan cara merendahkan suara sepertimana para sahabat ketika mendengar nasihat Baginda.

IV.3. Pentingnya penyelidikan maklumat.

Firman Allah:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ(٦)وَاعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ(٧)فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ(٨)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu. Dan ketahuilah oleh mu bahawa di kalangan kamu ada Rasulullah. Kalau ia menuruti (kemahuan) kamu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu akan mendapat kesusahan tetapi Allah menjadikan kamu cinta akan keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci akan kekafiran, kefasiqkan dan kederhakaan. Mereka itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus, sebagai kurnia dan nikmat daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):6-8.

Pada pembahasan di atas telah dibentangkan etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W., maka pada pembahasan berikut ini akan dijelaskan tentang pentingnya sikap menyelidiki pelbagai maklumat.

Pada dasarnya proses komunikasi adalah suatu proses penyampaian mesej daripada penyampai kepada pendengar. Penyampaian mesej ini menurut Paul Lazarsfeld seperti yang dikutip oleh Dr. Phil. Astrid S. Susanto, akan melalui empat tahap, iaitu tahap kesedaran (*awareness*), tahap perhatian atau minat (*aroused interest*), tahap penerimaan informasi (*acceptance*), dan terakhir tahap pengujian (*trying out*). [1]

Pada pembahasan di bawah ini penulis akan menjelaskan salah satu prinsip yang terdapat pada ayat keenam dalam Surah *al-Ḥujurāt* dalam kaitannya dengan tahap yang terakhir di atas, iaitu tahap pengujian atau sikap menyelidik (*tabayyun*). Sepertimana yang dijelaskan dalam firman-Nya:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ(٦)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):6.

Dalam ayat di atas Allah S.W.T. menjelaskan pentingnya suatu pengujian (*tabayyun*) ke atas maklumat apabila disampaikan daripada orang yang fasiq, agar

[1] Dr. Phil. Astrid S. Susanto (1977), *Komunikasi Dalam Teori Dan Praktek*, Bandung, Indonesia:P.T. Rindang Mukti, h. 8.

dengan pengujian maklumat tersebut dapat terhindar dari suatu keadaan yang mana seseorang akan menghukumi suatu kaum atas dasar maklumat-maklumat yang tidak benar.

Islam mengajar umatnya supaya mementingkan ilmu dan menjadi masyarakat yang kaya dengan informasi (*a knowldge-based society, information rich community*). Namun Islam pun mengajar juga agar umatnya tidak terjebak dengan suatu maklumat yang tidak sahih, sehingga proses *tabayyun* (sikap menyelidik atau pengujian) terhadap maklumat merupakan suatu tahapan yang sangat penting sebelum kita menjadikan maklumat tersebut sebagai landasan dalam mengambil keputusan.

Ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan iaitu Surah *al-'Alaq* (96):1-5, pada ayat tersebut diletakkan asas yang kukuh bagi pembentukkan masyarakat Islam yang mengutamakan pembacaan untuk mencerna pemikiran yang kritis ke arah mencari kebenaran menggalakan penulisan, kajian (*research*) dan menyebarkan pengetahuan dan maklumat.[1]

Proses pengujian terhadap maklumat ini merupakan suatu yang sangat penting, kerana sedar atau tidak bahawa proses penyebaran maklumat terlibat dalam

[1] Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 16.

semua perubahan sosial dan individu, sama ada perubahan sikap, tanggapan mahupun perilaku.

Kenyataan ini dapat dilihat pada sebab turunnya ayat tersebut, iaitu berkenaan dengan kejadian salah seorang sahabat yang menyampaikan informasi tidak sahih kepada Rasulullah S.A.W., dan hampir-hampir Rasulullah S.A.W. terjebak dengan informasi yang tidak benar itu. Namun nasib baik pada masa itu Rasulullah S.A.W. mengarahkan salah seorang sahabat yang lain untuk menyelidiki kebenaran informasi tersebut (lihat halaman 161-164).

Kes di atas merupakan salah satu contoh yang sering terjadi pada masa sekarang, di mana dengan pengaliran maklumat yang sedemikian cepat sehingga seringkali kita terjebak kepada maklumat-maklumat yang tidak sahih. Dalam masalah pengaliran maklumat ini, Johan Jaafar[1] menganalisis bahawa dunia hari ini telah meletakkan maklumat sebagai kuasa, *information is power*. Sesiapa yang menguasai maklumat maka dialah yang berkuasa, *who controls information controls power*. Dan realiti dunia maklumat hari ini telah menjadikan dunia semakin kecil kerana teknologi dan laluan lebuh raya maklumat yang luar biasa.

Namun apakah proses *tabayyun* merupakan suatu realiti yang sentiasa dilakukan sebagai penyeimbang (*balancing*) suatu kemajuan teknologi maklumat

[1] Norbaya Normi, et.al. (1997), *Wartawan dan Cabaran*. Johan Jaafar, "Mengikis Bias dan Prasangka Barat Terhadap Islam Melalui Kewartawanan", Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Universiti Malaya kerja sama dengan Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM), h.61.

sekarang ini. Mengapa ini penting? Islam menjelaskan bahawa implikasi penerimaan suatu maklumat bukan hanya mempunyai tanggung jawab sosial sahaja, bahkan juga mempunyai implikasi tanggungjawab di hadapan Pencipta. Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا(٣٦)

Maksudnya:
"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggunganjawabannya".
Terjemahan Surah *al-Isrā'* (17):36.

Islam menempatkan proses penyelidikan (*tabayyun*) pada posisi sangat penting, kerana Islam memandang bahawa bentuk informasi apapun mesti berdasarkan fakta yang benar. Hal ini nampak pada perkataan *tabayyanū* dalam Surah *al-Ḥujurāt* ayat ke 6 di atas, yang menggunakan bentuk *fi'il amr* (kata perintah), di mana perkataan ini berasal daripada perkataan *tabayyana* pada bab *thulāthi mājid*, yang mengandungi erti *mubalagh*, iaitu menunjukkan kesungguhan dan ketelitian terhadap informasi atau maklumat yang diterimanya.

Adapun al-Ṭabari menjelaskan pengertian perkatan *tabayyun* sebagai bentuk berhati-hati dalam menerima maklumat, sehingga jelas kesahihan maklumat tersebut, dan jangan tergesa-gesa untuk menerimanya. [1]

[1] al-Ṭabari (1968), *op.cit.*, J. VI, cet. III, h. 123.

Perkataan *tabayyun* juga, Allah S.W.T. jelaskan dalam Surah *al-Nisā'* (4) ayat 94, berkenaan pentingnya sikap berhati-hati dalam menuduh seseorang kafir atau muslim dalam keadaan peperangan, firman-Nya:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا ضَرَبْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَتَبَيَّنُوا وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْقَى إِلَيْكُمُ السَّلَامَ لَسْتَ مُؤْمِنًا تَبْتَغُونَ عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا فَعِنْدَ اللَّهِ مَغَانِمُ كَثِيرَةٌ كَذَلِكَ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلُ فَمَنَّ اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوا إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا(٩٤)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) di jalan Allah, maka telitilah dan janganlah kamu mengatakan kepada orang yang mengucapkan "salam" kepadamu: "kamu bukan mukmin (lalu kamu membunuhnya)", dengan maksud mencari harta benda kehidupan di dunia. Kerana di sisi Allah ada harta yang banyak. Begitu jugalah keadaan kamu dahulu, lalu Allah menganugerahkan nikmat-Nya atas kamu, maka telitilah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):94.

Ayat di atas menunjukkan bahawa tindakan gopoh dan tergesa-gesa dalam menerima informasi, akan cenderung menuduh serta mengorbankan orang lain tanpa meneliti dengan saksama maklumat-maklumat yang diterimanya.

Maka prinsip ketelitian serta penyelidikan maklumat merupakan suatu prinsip yang sangat penting dalam Islam. Hal ini demikian kerana Islam ingin menciptakan suatu lingkungan yang kukuh, iaitu lingkungan yang berasaskan norma-norma yang dibangun oleh maklumat-maklumat yang sahih.

Selanjutnya, implementasi sikap menyelidiki maklumat dalam kehidupan sosial untuk menciptakan lingkungan masyarakat yang menjungjung tinggi kebenaran, sangat memerlukan peranan pemimpin dalam mengendalikan maklumat-maklumat tersebut.

Seperti halnya pada masa Rasulullah S.A.W., peranan Baginda dalam mengendalikan berbagai-bagai maklumat sangat besar, sehingga dengan peranan tersebut akan dapat memilah mana-mana maklumat yang sahih dan yang tidak sahih. Ertinya bahawa pemimpin ialah *marāji'* terhadap perkembangan maklumat yang terjadi di lingkungan sosial masyarakatnya, dan tentunya dia mesti menggunakan rangka keimanan dalam penyelidikan maklumatnya itu. Kenyataan ini dijelaskan dalam ayat selanjutnya pada surah *al-Ḥujurāt*, sebagai berikut:

وَاعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ(٧)فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ(٨)

Maksudnya:
"Dan ketahuilah olehmu bahawa di kalangan kamu ada Rasulullah. Kalau dia menuruti (kemahuan) kamu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu akan mendapat kesusahan tetapi Allah menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci akan kekafiran, kefasiqkan dan kederhakaan. Mereka itulah yang mengikuti jalan yang lurus, sebagai kurnia dan nikmat daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):7-8.

Rasulullah S.A.W. sebagai pemimpin pada masa itu, merupakan seorang yang menguasai maklumat yang berkembang di lingkungan masyarakatnya, juga sebagai orang yang telah diketahui kepercayaan dan integritinya. Demikian juga tugas dan tanggungjawab para pemimpin pada masa sekarang, sangat besar peranannya dalam menciptakan budaya yang menjungjung tinggi maklumat yang sahih di lingkungan masyarakatnya.

Perintah sikap menyelidik dalam ayat di atas, bukan bererti Allah S.W.T. menghendaki umat-Nya menjadi umat yang miskin informasi, melainkan sebaliknya Allah S.W.T. menginginkan umat-Nya menjadi umat yang kaya informasi yang sahih, iaitu umat yang menjadikan budaya menyelidik sebagai suatu prinsip dalam menghadapi berbagai-bagai maklumat yang diterimanya.

Dengan budaya seperti itu akan tercipta suatu masyarakat yang bertamadun, iaitu suatu lingkungan masyarakat di mana setiap anggotanya akan merasa terlindung daripada berbagai-bagai maklumat yang tidak sahih. Sikap seperti itu merupakan implementasi daripada nilai-nilai keimanan yang terpancar dalam kehidupan komunikasi suatu masyarakat. Dengan sikap ini juga akan lahir suatu masyarakat Islam yang pada satu sisi siap menghadapi kemajuan maklumat, dan dari sisi yang lain adalah masyarakat yang terbina oleh kebenaran. Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِى إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِى إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يَكُوْنَ صِدِّيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِى إِلَى الْفُجُوْرِ وَإِنَّ الْفُجُوْرَ يَهْدِى إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللهِ كَذَّابًا

Maksudnya:
"Diterima daripada Nabi S.A.W.: "Sesungguhnya berkata yang benar itu akan menunjukkan kepada kebaikan, dan sesungguhnya kebaikan akan menunjukkan kepada Syurga. Dan sesungguhnya seseorang yang berkata benar, maka dia akan terbukti sebagai orang yang benar. Dan sesungguhnya jika seseorang telah berbuat dusta, maka akan dicatat di sisi Allah sebagai pendusta."[1]

Terjemahan hadith riwayat Al-Bukhārī.

Firman Allah menyatakan:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ(١١٩)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan jadilah kamu sekalian daripada golongan orang-orang yang benar".

Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9):119.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa proses penyelidikan (*tabayyun*) merupakan suatu proses untuk mendapatkan informasi yang benar, sekaligus menghindari sikap gopoh menolak sebarang maklumat atau sikap tergesa-gesa dalam menerima sebarang maklumat. Manakala sikap *tabayyun* ini merupakan suatu proses untuk menentukan diterima atau tidaknya maklumat-maklumat tersebut.

---

[1] Al-Bukhārī (t.t.), *Op. cit.*, Kitab: Adab, Bab: ...al-ṣādiqīn wa mā yunhā 'an al-kadhibi.

Kes lain sebagai contoh mengenai pentingnya sikap menyelidik terhadap sebarang maklumat, dapat dilihat pada kisah *hadith al-ifk* (berita bohong) yang terjadi pada masa Rasulullah S.A.W. yang membabitkan keluarganya. Di mana salah seorang ibu kaum mukminin diisukan terlibat dalam sebuah "skandal", dan ketika berita itu tersebar banyak orang yang percaya kepada berita bohong tersebut.

Ceritanya pada masa itu ketika Rasulullah S.A.W. hendak berperang melawan Banī Muṣṭaliq dan Baginda membawa salah seorang isterinya, iaitu ʻĀisyah. Namun di tengah perjalanan pulang ke Madinah, ʻĀisyah tertinggal di belakang rombongan Nabi, kerana ʻĀisyah pada masa itu mencari kalungnya yang hilang, sementara para sahabat dan Nabi mengira ʻĀisyah masih ada di tempatnya (dalam tandu).

Nasib baik pada masa itu ada seorang sahabat, iaitu Ṣafwān bin Mu'aṭṭal al-Silmi, yang dari awal dia sudah tertinggal jauh dari rombongan Rasulullah S.A.W., sehingga ketika dia hendak menyusul rombongan tersebut, di tengah perjalanan dilihatnya Ummu Al-Mukminīn tertinggal. Maka dia pun mempersilakan ʻĀisyah untuk naik ke atas untanya. Dan usaha untuk menyusul rombongan Nabi ternyata tidak berhasil. Akhirnya ʻĀisyah dan Safwān pun memutuskan untuk kembali ke kampung halamannya.

Dari sinilah tersiarnya suatu desas-desus bohong yang menfitnah ʻĀisyah berdua-duaan dengan Ṣafwān bin Mu'aṭṭal, yang akhirnya berita itu dimanfaatkan

oleh tokoh munafik pada masa itu, iaitu 'Abd Allah bin Ubay dengan menyiarkan berita bahawa 'Āisyah berzina.[1]

Dengan tersebarnya berita bohong tersebut, akhirnya sampailah berita itu ke telinga Rasulullah S.A.W., sehingga Baginda terpengaruh. Dan akhirnya hubungan Baginda dengan 'Āisyah semakin buruk, bahkan hampir sahaja keluarga yang mulia itu porak poranda, sekiranya Allah tidak menurunkaan ayat-ayat yang menunjukkan kepalsuan berita itu iaitu surah *al-Nūr* (24) ayat 11 sampai ayat 19.

Berdasarkan contoh kejadian di atas dapat diambil satu iktibar bahawa sebelum menjatuhkan suatu putusan atas maklumat-maklumat yang diterima, mesti terlebih dahulu dilakukan penyelidikan untuk mencari kebenaran terhadap maklumat tersebut. Bahkan dalam kes-kes besar seperti dalam kes di atas, menunjukkan bahawa kebenaran suatu maklumat mesti disertai dengan empat orang saksi (Surah *al-Nūr* [24]:13).

Penjelasan di atas menggambarkan suatu pendidikan Islam kepada umatnya supaya menggalakan sikap menyelidik terhadap berbagai maklumat. Semangat inilah yang mendorong generasi-generasi awal dalam menumbuhkan sikap menyelidik, terutamanya dalam permasalahan agama, iaitu salah satunya dalam masalah periwayatan hadith.

---

[1] M.H. al-Hamidi al-Husaini (1992), *Riwayat Kehidupan Nabi Besar Muhammad S.A.W.*, Jakarta, Indonesia: Yayasan al-Hamidy, h.63-633.

Semangat generasi awal ini nampak pada kesungguhan mereka dalam menyelidiki kebenaran-kebenaran periwayatan hadith yang sampai kepadanya. Sebagai contoh, Imām al-Bukhārī telah menjelajah kebeberapa negara hanya untuk menyelidiki kebenaran hadith yang sampai kepadanya. Demikian pula dengan para ulama hadith yang lain.

Tidak cukup sampai di sana, semangat sikap menyelidik generasi awal ini ditunjukkan oleh mereka dengan disusunnya suatu ilmu yang dapat dijadikan dasar dalam penyelidikan kebenaran periwayatan suatu hadith, iaitu ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* (kecacatan dan keadilan). Suatu warisan ilmu pengetahuan yang tidak ternilai harganya untuk generasi-generasi berikutnya. Ini menunjukkan indahnya pengurusan dalam penyelidikan suatu maklumat yang mereka ciptakan dalam ilmu tersebut, sehingga dengan ilmu tersebut dapat membantu dalam pelaksanaan sikap menyelidik yang diperintahkan Allah dalam ayat di atas.

Kesungguhan ulama-ulama generasi awal ini mencerminkan minat yang kuat dalam mencari kebenaran maklumat-maklumat yang sampai kepada mereka. Mengenai pentingnya sikap menyelidik ini, Ibn Kathīr dalam tafsirnya mengatakan:

اَلتَّثَبُّتُ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya:
"Langkah selidik dengan teliti itu adalah ajaran Allah, dan bertindak terburu-buru itu ialah ilham Syaitan."[1]

Hikmah yang terkandung dalam perintah sikap menyelidik ini, menunjukkan bahawa Islam telah dibentuk oleh suatu kehidupan yang ilmiah, yang mana Allah telah menetapkan metod-metod hidup dengan menjelaskan kebaikan-keburukan, kemanfaatan serta kemudaratan, dan alasan lojik yang terkandung dalam perintah tersebut.[2]

Dengan demikian kebebasan maklumat yang dikehendaki oleh Islam dalam kandungan perintah tersebut, ialah kebebasan maklumat yang disertai dengan sikap menyelidik. Lantaran itu, pelbagai maklumat yang mengandungi kebohongan akan mudah diketahui.

Sikap menyelidik merupakan hal yang sangat penting untuk dipraktikan pada zaman sekarang ini di tengah-tengah derasnya arus maklumat yang sampai kepada kita. Derasnya arus maklumat sekarang ini, tidak sedikit membawa impilikasi pada bentuk kebebasan maklumat yang tidak memperhatikan etika, bahkan sering bercanggah dengan nilai-nilai agama.

---

[1] Ibn Kathīr (1966), *op.cit.*, J. 6, h. 374.
[2] Al-Ṭabāṭabā'i (1991), *Op.cit.*, h. 316.

Berkaitan masalah pengaliran kebebasan maklumat yang sedang melanda sekarang ini menurut Mohd. Safar Hasim, telah terjadi dua sudut yang berbeza yang mewakili dua pandangan dunia sekarang ini, yang pertama ialah sudut pandangan menuntut adanya pengaliran bebas maklumat (*free flow information*). Pandangan ini diilhami oleh desakan untuk kebebasan dan pendemokrasian maklumat di seluruh dunia. Sudut pandang yang kedua adalah tuntutan pengaliran bebas dan seimbang (*free and balanced flow of information*). Sudut pandangan ini menunjukkan adanya kawalan terhadap suatu berita atau maklumat sehingga maklumat–maklumat yang tersebar di seluruh dunia dapat dikawal daripada maklumat-maklumat yang belum terbukti kebenarannya. [1]

Dua sudut pandangan yang berbeza inilah yang menyebabkan terjadinya krisis di UNESCO (United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organitation). Keadaan ini terjadi kerana isu yang dibangkitkan pada waktu itu ialah pengaliran berita yang tidak seimbang antara dunia pertama dan dunia ketiga dari segi jumlah dan kecondongan berita. Dunia ketiga menyatakan bahawa berita terlalu banyak mengalir dari dunia pertama ke dunia ketiga dan sedikit sekali sebaliknya. Dan kalaupun ada berita dari dunia ketiga ke dunia pertama, namun seringkali maklumat tersebut bersifat negatif.[2]

---

[1] Mohd. Safar Hasim (1991), *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1.
[2] *Ibid.*, h. 2.

Kenyataan ini merupakan cabaran bagi dunia ketiga yang termasuk negara-negara majoriti penduduknya muslim, dalam menangani kebebasan maklumat dari satu sisi, dan mengimplementasikan sikap menyelidik terhadap maklumat tersebut dari sisi yang lain. Jikalau tidak dilakukan prinsip *tabayyun* (sikap menyelidik) dalam menghadapi kebebasan maklumat ini, maka kebebasan maklumat tersebut akan menjadi ancaman buruk bagi negara-negara Islam.

Kekhuatiran inilah yang mendorong para menteri telekomunikasi negara-negara ASEAN, iaitu negara-negara dunia ketiga untuk mengantisipasi kebebasan maklumat ini. Sehingga dalam mesyuarat Menteri Telekomunikasi Asean Pertama (TELMIN) yang diadakan di Kuala Lumpur, merancang penumbuhan Pusat Penyelarasan Keselamatan Telekomunikasi Asean bagi menangani pelbagai ancaman teknologi maklumat (IT) dan internet.[1]

Langkah ini merupakan suatu langkah yang positif untuk menciptakan suatu kebebasan maklumat yang terkawal, iaitu kebebasan maklumat yang tidak terlepas daripada nilai-nilai budaya dan terutamanya agama.

Kebimbangan akibat adanya kebebasan maklumat ini, ditunjukkan oleh Menteri Luar Taliban, Maulvi Wakil Ahmad Muttawakkil, dengan mengeluarkan suatu keputusan yang melarang sebahagian besar rakyat Afghanistan menggunakan internet di negara itu bagi menyekat penduduknya daripada mendapat akses bahan-

[1] *Berita Harian*, Malaysia, 14 Julai 2001//22 Rabiul akhir 1422, h. 2.

bahan lucah, tidak bermoral, dan anti Islam. Menurutnya lagi: "Kami mahu menubuhkan suatu sistem di Afghanistan yang boleh mengawal kemasukan bahan yang salah".[1]

Keadaan ini menggambarkan bahawa sebelum terjadinya kebebasan maklumat seperti sekarang ini, Allah S.W.T. telah memberikan panduan kepada manusia khasnya orang-orang yang beriman untuk sentiasa waspada terhadap kebebasan maklumat, kerana tidak dapat dinafikan bahawa bagaimanapun jenis maklumat itu, pasti akan mempengaruhi perubahan yang terjadi di kalangan lingkungan masyarakat.

Di samping kebenaran maklumat yang mesti diperhatikan, ada juga hal lain yang tidak kurang penting, iaitu perlu adanya pengetahuan tentang sumber maklumat itu sendiri, sama ada dapat dipercayai atau tidak. Keadaan yang terakhir inilah yang mengkhuatirkan dunia Islam, kerana dalam sebuah analisis Jean Ping yang dikutip Mohd. Safari Hasim, bahawa terdapat lima agensi berita (big five) yang menguasai lebih daripada 80 peratus pengaliran maklumat, iaitu: AP, UPI, Rauter, AFP, dan TASS.[2] Yang semua agensi berita tersebut merupakan agensi berita dari dunia pertama (negara-negara Barat).

---

[1] *Mingguan Malaysia*, 15 Julai 2001/23 Rabiul akhir 1422, h.1.
[2] Mohd. Safari Hasim (1991), *Op.cit.*, h.2.

Suatu perkara yang perlu dikhuatirkan lagi bahawa dalam kajian yang dijalankan di Asia Tenggara oleh Andrew Szende mendapati bahawa pengarang lebih cenderung menggunakan berita luar negeri yang dikirim oleh berita nasional.[1] Ini menunjukkan bahawa alangkah kecilnya kemampuan negara yang majoriti muslim di Asia Tenggara ini untuk menguasai maklumat sehingga mereka lebih percaya pada maklumat yang telah ditapis oleh agensi berita Barat, daripada ianya menubuhkan suatu agensi berita sendiri, yang dapat lebih terjamin kepercayaan serta kejujurannya.

Di samping itu kebebasan maklumat yang terjadi sekarang ini telah memasuki era baru dengan ditandai oleh kemajuaan *cybercommunication*. Iaitu dengan munculnya pelbagai laman web yang menawarkan pelbagai maklumat.

Era baru kebebasan maklumat ini, merupakan cabaran bagi dunia Islam untuk mengimplementasikan sikap menyelidik ini dalam kemajuan tersebut. Ini kerana kebenaran sumber maklumat berupa laman web ini boleh jadi sangat pelik kerana ia berada dalam dunia maya. Namun bagaimanpun juga konsep *tabayyun* (sikap menyelidik) ini merupakan perkara yang tidak dapat ditinggalkan.

Beberapa keadaan yang dijelaskan di atas, berupa derasnya aliran kebebasan maklumat yang dipelopori oleh Barat, menunjukkaan prinsip *tabayyun* yang terkandung dalam ayat ke 6 surah *al-Ḥujurāt*, merupakan suatu keperluan dan

[1] *Ibid.*

kemestian khususnya bagi dunia Islam dalam menghadapi kebebasan maklumat tersebut.

Namun tentunya bentuk *tabayyun* (sikap menyelidik) ini mesti dikemas kini dan disesuaikan dengan kemajuan maklumat semasa. Ketika turunnya ayat ke 6 Surah *al-Ḥujurāt* ini, penyebaran maklumat pada waktu itu hanya berupa bentuk orang ke orang sahaja. Akan tetapi pada zaman sekarang media untuk menyebarkan maklumat ini telah mengalami kemajuan yang begitu pesat, dengan diciptakannya berbagai-bagai sarana untuk mengirim maklumat. Maka dengan demikian bentuk penyelidikannya pun akan mengalami perubahan yang mesti disesuaikan dengan cabaran yang dihadapi.

Huraian di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa sebagai implementasi daripada perintah Allah berupa perintah menyelidik, maka dianggap penting bagi dunia Islam khususnya, untuk membentuk satu pertubuhan yang dapat menangani masalah kebebasan maklumat ini, termasuk di dalamnya wujud suatu pentadbiran dalam menyelidik pelbagai maklumat. Pertubuhan ini juga mempunyai mempunyai tugas dalam menetapkan peraturan-peraturan dalam penyebaran maklumat serta menyelidiki sumber-sumber maklumat semasa, sama ada sumber itu dapat dipercayai atau tidak.

Dengan adanya pertumbuhan yang dapat dipercayai oleh dunia Islam, maka ianya akan dapat menyampaikan maklumat yang dijamin kesahihannya, serta dapat

terhindar daripada campur tangan orang-orang fasiq yang dapat menjejaskan kesahihan maklumat tersebut. Hal ini demikian, kerana kebenaran suatu maklumat berkait rapat dengan sumber maklumat itu sendiri. Oleh yang demikian, perintah dalam menyelidik ini diturunkan apabila disampaikan oleh sumber yang diragukan, yang dikatakan dalam ayat di atas dengan perkataan fasiq.

IV.3.1. Kriteria fasiq.

Sayyid Qutub mentafsirkan perkataan fasiq yang terdapat dalam ayat ke 6 Surah *al-Ḥujurāt* ini ialah "seseorang yang lebih berkemungkinan berdusta"[1], dan pentafsiran yang lain mengertikan perkataan fasiq adalah kerana telah keluar dari kebenaran.[2]

Berbeza dengan pentafsiran Muḥammad al-Rāzī[3] yang lebih menekankan pada aspek kandungannya yang meragukan, seperti prasangka atau adanya kesalahan pada orang yang menyampaikan. Dan yang lebih terperinci lagi ialah pentafsiran Ibn al-Kathīr[4] yang menjelaskan bahawa dikatakan fasiq kerana keadaannya *majhūl* (tidak diketahui), sehingga masih menurut beliau, atas dasar pentafsiran ini terdapat segolongan yang telah melarang menerima periwayatan yang *majhūl* keadaanya kerana mengandungi kefasiqkan di dalamnya. Sementara

[1] Sayyid Qutub (1982), *Op.Cit.*, h. 3341.
[2] Al-Tabātabā'i (1991), *Op.cit.*, J. 18, h.315. lihat pada: Abū Ja'far Muḥammad bin al-Ḥasan al-Tūsi (t.t.), *al-Tibyān fi Tafsir al-Qur'ān*, j. 9, Bayrut, Lubnān: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Araby, h. 343.
[3] Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn (1994), *al-Tafsīr al-Kabīr*, J. 7, Bayrut, Lubnān: Dār al-Fikr, h. 120.
[4] Ibn Kathīr (1966), *op.cit.*, J. 6, h. 372.

segolongan ulama yang lain menerimanya, dengan alasan bahawa yang diperintahkan dalam ayat tersebut adalah perintah untuk menyelidiki maklumat daripada seseorang, dan ini belum tentu fasiq, akan tetapi disebabkan keadaannya yang *majhūl* sehingga diperlukan sikap menyelidik.

Beberapa penjelasan mengenai perkataan fasiq yang dijelaskan di atas, menunjukkan banyaknya kriteria yang disifatkan kepada seseorang yang fasiq, sehingga maklumat yang disampaikannya mesti diselidiki terlebih dahulu. Apabila dihubungkan dengan ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, didapati bahawa kriteria-kriteria fasiq yang dijelaskan di atas terdapat pada kelompok *al-jarḥ* iaitu kelompok kriteria-kriteria yang dapat mencacatkan periwayatan hadith yang disampaikannya.

IV.3.2. Objektif suatu maklumat.

Pada pembahasan di atas telah dihuraikan kriteria fasiq, yang tertumpu kepada orang yang menyampaikan maklumat. Selanjutnya huraian di bawah ini lebih menekankan pada objektif maklumat itu sendiri.

Berbagai-bagai maklumat yang sampai kepada kita pada dasarnya terbahagi kepada empat jenis. Yang pertama ialah maklumat yang bersifat biasa (*information of man in the street*). Maklumat jenis pertama ini inti kebenarannya bersifat subjektif, ertinya amat terikat pada subjek yang mengenal. Dengan demikian maklumat jenis ini memiliki sifat selalu benar, sejauh sarana untuk memperoleh

maklumat tersebut bersifat normal atau tidak ada penyimpangan.[1] Jenis maklumat seperti ini menurut al-Qurṭubi dapat diterima meskipun daripada orang kafir.[2]

Jenis maklumat yang kedua ialah maklumat yang bersifat ilmiah. Kebenaran yang terkandung dalam maklumat ilmiah bersifat relatif. Maksudnya kandungan kebenaran jenis maklumat ilmiah selalunya mendapatkan revisi iaitu selalu diperbaharui oleh hasil penemuan yang paling mutakhir. Dengan demikian, kebenaran dalam maklumat ini selalu mengalami perubahan sesuai dengan hasil penelitian yang paling akhir dan mendapatkan persetujuan – adanya perjanjian dalam suatu konvensi – para ilmuwan sejenis.[3]

Selanjutnya jenis maklumat yang ketiga ialah jenis maklumat falsafah, iaitu maklumat yang pendekatannya melalui metodologi pemikiran falsafah yang sifatnya mendasar dan menyeluruh dengan model pemikiran yang analitis, kritis, dan spekulatif. Kebenaraan maklumat jenis ini adalah absolut-intersubjektif, maksudnya adalah kebenaran maklumat jenis ini merupakan maklumat yang selalunya melekat pada pandangan falsafah dari seorang pemikir filosof itu serta selalu mendapat kebenaraan daripada filosof yang menggunakan metodologi pemikiran yang sama.[4]

---

[1] Tim dosen filsafat Ilmu Fakultas Filsafata UGM (1996), *Filsafat Ilmu*, Yogyakarta: Penerbit Liberty Yogyakarta bekerjasama dengan YP Fakultas Filsafat UGM, h. 113.
[2] Al-Qurṭubi, 1993, *op.cit.*, J.8, h. 205.
[3] Tim dosen filsafat Ilmu Fakultas Filsafata UGM (1996), *Op.cit.*, h. 113.
[4] *Ibid.*, h. 114.

Manakala yang terakhir ialah maklumat yang bersifat religi atau agama. Maklumat yang bersifat agama memiliki sifat dogmatis, ertinya pernyataan dalam suatu agama selalu dihampiri oleh keyakinan yang telah tertentu, sehingga pernyataan-pernyataan dalam ayat-ayat kitab suci agama memiliki nilai kebenaran sesuai dengan keyakinaan yang digunakan untuk memahaminya itu. Implikasi makna yang terkandung dalam kitab suci itu dapat berkembang secara dinamik sesuai dengan perkembangan masa, akan tetapi kandungan maksud dari ayat-ayat tersebut tidak dapat dirubah dan sifatnya mutlak.[1]

Dalam Islam landasan pokok kebenaran ialah al-Qur'an dan al-Sunnah. Bagi seorang muslim apabila mendapati maklumat yang bersifat agama, maka dia mesti kembali kepada kedua-dua landasan kebenaran tersebut. Apabila maklumat tersebut bercanggah dengan keduanya, maka maklumat itu tidak dapat diterima, dan jika sebaliknya, maka maklumat tersebut dapat diterima sebagai maklumat yang benar.

Pentingnya sikap menyelidik ini merupakan suatu indikasi bahawa dalam diri manusia terdapat fitrah untuk mengetahui kebenaran,[2] dan kebenaran inilah yang dikehendaki oleh Islam sebagai asas dalam membentuk suatu budaya dalam menghadapi era kebebasan maklumat. Matlamat inilah yang ingin dicapai oleh Islam dalam membangun masyarakat yang bertamadun, iaitu masyarakat yang dibangun oleh sikap saling menjunjung tinggi kebenaran, seiring dengan tumbuhnya kesedaran

---

[1] *Ibid*, h. 114.

[2] Murtadha Muthahari (2000), *Manusia dan Alam semesta*, Ilyas Hasan (terj.), Jakarta: Penerbit Lentera, h.222.

bahawa sekecil apapun perkataan yang diucapkan, melainkan terdapat di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ(١٨)

Maksudnya:
"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)."

Terjemahan Surah *Qāf* (50):18.

IV.4. Komunikasi dalam konflik.

Firman Allah:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ(٩)إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ(١٠)

Maksudnya:
"Dan jika ada dua golongan daripada orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara kedua-duanya. Jika salah satu daripada kedua-dua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya orang-orang mukmin bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):9-10.

Ayat ini mengandungi suatu undang-undang amali dalam menjaga ketenteraman serta keserasian hidup antara orang-orang yang beriman. Ia pula dijelaskan setelah Allah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman agar tidak bertindak gopoh dan terburu-buru dalam menerima suatu maklumat daripada orang yang fasiq.

Pada dasarnya proses komunikasi merupakan suatu proses interaksi sosial, yang mana dalam proses tersebut terjadi suatu penglibatan lingkungan sosial, terutamanya dalam komunikasi interpersonal. Dalam komunikasi interpersonal ini seseorang dapat melakukan komunikasi secara peribadi dengan peribadi mahupun secara berkelompok. Proses komunikasi seperti ini akan melibatkan interaksi sosial yang mana akan terjadi pencampuran (akumulasi) antara individu-individu yang berbeza namun mereka berkumpul dan berinteraksi antara satu sama lain, dalam sosiologi kumpulan individu-individu yang bekerja sama dalam suatu wilayah tertentu dikenal dengan istilah masyarakat.

Kumpulan manusia yang dinamakan masyarakat, iaitu suatu kumpulan individu yang berbeza-beza serta adanya suatu pembahagian kerja dalam mekanismenya. Perbezaan latar belakang, status sosial, kepentingan, agama, serta tingkat ekonomi merupakan hal biasa yang akan dijumpai dalam suatu kumpulan manusia tersebut.

Dengan adanya perbezaan-perbezaan pada tiap individu dalam masyarakat tersebut, maka secara semula jadi akan terjadi suatu proses interaksi sosial, kerana pada dasarnya manusia tidak dapat hidup sendiri dalam memenuhi keperluan hidupnya. Bermula dari dasar ini maka akan terjadi suatu mekanisme masyarakat, iaitu suatu proses pembahagian kerja bagi memenuhi keperluan hidup setiap individu dalam masyarakat tersebut. Hubungan seperti ini merupakan realisasi daripada firman Allah yang menyatakan:

وَابْتَغِ فِيمَا ءَاتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya:
"Dan carilah pada apa-apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi ...".
Terjemahan Surah *al-Qaṣaṣ* (28):77.

Ayat di atas menjelaskan bahawa kehidupan sosial yang dimaksudkan dengan kehidupan dunia merupakan perintah Allah kepada setiap manusia dalam menempatkan posisinya di muka bumi ini. Al-'Allāmah al-Ṭabāṭabā'i menyatakan bahawa sikap sosial dalam bermasyarakat merupakan suatu fitrah dalam diri manusia. Sejarah mahupun hasil-hasil purbakala membuktikan bahawa manusia selalunya hidup bermasyarakat. [1]

[1] S.M.H. Ṭabāṭabā'i (1987), *Tatanan Masyarakat Islam*, M. As. (terj.), Bandar Lampung, Jakarta: Penerbit YAPI, h. 7

Namun dari sisi lain, dengan adanya perbezaan kepentingan, status sosial serta nilai yang ada pada tiap-tiap individu dalam masyarakat tersebut, sering kali menciptakan persaingan atau melahirkan perselisihan kepentingan. Keadaan ini merupakan suatu penyebab timbulnya konflik dalam suatu masyarakat.[1]

Seorang sosiolog, George Simmel menyatakan bahawa hubungan sosial akan menjadi rosak kerana adanya kebencian, iri hati, perbezaan kepentingan, dan perbezaan keinginan. Daripada perbezaan tersebut akan lahir suatu perlawanan antara individu mahupun kelompok akibat daripada pelbagai kepentingan yang berbeza. Semua itu merupakan faktor-faktor yang mengakibatkan terjadinya konflik.[2]

Dalam tinjauan ilmu komunikasi, biasanya konflik terjadi apabila adanya sumber-sumber konflik, iaitu: (1) persaingan – salah satu pihak berusaha memperoleh sesuatu dengan mengorbankan orang lain; misalnya menunjukkan kelebihan dalam bidang tertentu dengan merendahkan orang lain; (2) dominasi – salah satu pihak berusaha mengendalikan pihak yang lain sehingga orang itu merasakan hak-haknya dilanggar; (3) Kegagalan – masing-masing berusaha menyalahkan yang lain apabila tujuan bersama tidak tercapai; (4) Provokasi – salah satu pihak terus menerus berbuat sesuatu yang dia ketahui menyinggung perasaan

---

[1] David Popenoe (2000), *Sociology*, 11th edition, New Jersey: Prentice – Hall, Inc., Upper Saddle River, h. 108.

[2] George Simmel (1968), *Conflict and The Web of Group-Affiliations*, Translater:Kurt H. Wolff &Reinhard Bendix, United Statet of America: The Free Press, h. 13-14.

yang lain; (5) perbezaan nilai – kedua pihak tidak sepakat tentang nilai-nilai yang mereka anut.[1]

Konflik dalam kehidupan manusia sangat sukar untuk dipisahkan, ianya akan sentiasa ada selama manusia itu hidup. Konflik bukanlah suatu hal yang dapat dihindari atau disembunyikan, akan tetapi merupakan sesuatu yang harus di diskusikan dan dicari penyelesaian daripada punca permasalahan yang mengakibatkan konflik tersebut, yang akhirnya dapat melahirkan suatu keadaan yang damai antara puak yang konflik. Dengan cara seperti ini konflik dapat diubah menjadi kekuatan yang positif.

Konflik juga menggambarkan suatu usaha untuk memecahkan kembali (mencari jalan keluar) dualisme yang berbeza. Ini merupakan jalan untuk peningkatan persatuan. Walaupun konflik itu akan membawa kehancuran kepada seseorang atau kelompok yang terbabit dalam konflik.[2]

Berkaitan dengan konflik ini, Allah S.W.T. telah memerintahkan orang-orang yang beriman, apabila terjadi suatu konflik antara dua puak di kalangan mereka, maka wajib bagi orang yang beriman yang tidak terbabit dalam konflik untuk melerai konflik tersebut sehingga tercipta suatu keadaan damai antara kedua-duanya. Yang dinyatakan dalam firman-Nya:

---

[1] Rakhmat, (1989), *op.cit.*, h.146.
[2] George Simmel (1968), *op.cit.*, h.13.

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا

Maksudnya:
"Dan jika ada dua golongan orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara kedua-duanya..."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49): 9.

Ayat di atas mengandungi perintah untuk mencari penyelesaian atas permasalahan yang menimbulkan konflik antara orang-orang yang beriman sehingga akan terciptanya perdamaian antara mereka. Dan ayat ini juga mengungkapkan kemungkinan terjadinya konflik di kalangan orang-orang yang beriman.

Dalam beberapa *sabab al-nuzūl* ayat ini yang telah dihuraikan pada bab ketiga, menunjukkan adanya sumber konflik yang mengakibatkan perbalahan antara dua puak, yang menyebabkan ayat kesembilan Surah *al-Ḥujurāt* ini turun. Salah satu riwayat yang dijelaskan oleh al-Qurṭubi dalam tafsirnya, beliau menjelaskan terjadinya perbalahan antara kaum Anṣār dengan bukan Anṣār yang bermula daripada pertikaian antara satu keluarga, yang mana salah satu daripada anggota keluarga tersebut (dari pihak isteri) berasal dari kaum Anṣār dan suaminya bukan dari kaum Anṣār. Dalam pertikaian tersebut, isteri yang berasal daripada kaum Anṣār dibantu oleh kaumnya, dan demikian pula suaminya yang bukan daripada kaum Anṣār dibantu oleh golongannya. Sehingga terjadilah perbalahan sampai pada tindakan saling memukul dengan terompah.[1]

[1] al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J 8, h.208.

Dalam *sabab al-nuzūl* tersebut menunjukkan bahawa konflik sering kali terjadi dalam kehidupan manusia yang bermula daripada permasalahan-permasalahan yang kecil, yang akhirnya menjadi suatu masalah kehidupan yang besar, tergantung sejauh mana sikap seseorang tersebut dapat mengatasi keadaan konflik itu.

Meskipun dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada konflik, namun pada dasarnya manusia menginginkan kehidupan interaksinya tumbuh sebagai hubungan interaksi yang baik dan harmoni. Maka perintah *islah* atau mendamaikan antara puak daripada golongan orang-orang beriman yang konflik dalam ayat di atas, sangat selari dengan keinginan terciptanya kehidupan sosial yang harmoni tersebut. Dan *islah* ini di samping suatu proses untuk melerai konflik, juga sebagai proses untuk memulihkan kembali kepada bentuk interaksi yang baik.

Sikap mendamaikan ini merupakan sebahagian daripada proses *amr bi al-ma'rūf wa nahy 'an al-munkar,* juga merupakan suatu metod dakwah Islam untuk menghilangkan fitnah dan perpecahan, mengikat kembali tali persaudaraan dan memperkuat persatuan. Dimensi inilah yang Allah kehendaki daripada makna *islah* dalam menangani konflik antara orang-orang yang beriman. Firman Allah menyatakan:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللّٰهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللّٰهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ(١٠٣)

Maksudnya:
"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah menjadikan kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk."

Terjemahan Surah *Āli 'Imrān* (3):103.

Apabila terjadi suatu perbezaan yang dapat mencetuskan konflik, seperti perselisihan dan perpecahan, maka wajib saudaranya daripada orang-orang mukmin yang lain, untuk dapat melerai konflik tersebut dan mencari jalan keluar yang dapat melahirkan perdamaian (*iṣlaḥ*) antara puak yang berselisih.

Bahkan sebahagian para ulama dalam menjelaskan hadith di bawah ini, mereka berpendapat bahawa berdusta untuk menciptakan perdamaian antara manusia merupakan dusta yang tidak mengandungi dosa, iaitu hadith Nabi menyatakan:

لَيْسَ الْكَذَّابُ الَّذِي يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ فَيَنْمِي خَيْرًا أَوْ يَقُولُ خَيْرًا

Maksudnya:
"Bukan dinamakan pendusta orang yang mendamaikan antara manusia, maka menginginkannya merupakan kebaikan atau berkatanya pun termasuk kebaikan."[1]

Terjemahan hadith riwayat al-Bukhārī.

Perintah mendamaikan antara puak dari kalangan orang-orang yang beriman yang konflik, yang dikandungi dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas, merupakan suatu prinsip dalam berkomunikasi yang dapat dijadikan etika berkomunikasi apabila menghadapi situasi konflik. Mendamaikan ini merupakan asas berkomunikasi bagi orang Islam dalam menghadapi saudara-saudaranya seagama yang berselisih. Dan ini merupakan realisasi nilai ketakwaan seorang mukmin dalam kehidupan sosialnya. Firman Allah yang menyatakan:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

Maksudnya:
"...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan ketakwaan, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran...".

Terjemahan Surah *al-Mā'idah* (5): 2.

Nabi S.A.W. bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ مِنْ أَهْلِ الْإِيْمَانِ بِمَنْزِلَةِ الرَّأْسِ مِنَ الْجَسَدِ يَأْلَمُ الْمُؤْمِنُ لِأَهْلِ الْإِيْمَانِ كَمَا يَأْلَمُ الْجَسَدُ لِمَا فِي الرَّأْسِ

Maksudnya:
"Sesungguhnya kedudukan seorang mukmin dengan orang mukmin yang lain, adalah (seperti) kedudukan kepala dalam tubuh. Seorang mukmin akan merasakan sakit terhadap apa yang terjadi pada orang mukmin yang

[1] Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-Ṣulḥ, Bab: Lays al-kādhib al-ladhī yuṣliḥ bayn al-nās.

lain, sepertimana seluruh tubuh akan merasakan terhadap apa yang terjadi dalam kepala."[1]

Terjemahan hadith riwayat Aḥmad bin Ḥanbal.

Ayat al-Qur'an serta hadith di atas mengajarkan bahawa seorang mukmin atau sekumpulan orang-orang mukmin mesti mengutamakan sikap melerai apabila berlaku perselisihan antara mereka. Dengan cara ini akan menghilangkan sikap perpecahan serta permusuhan antara mereka.

Huraian Surah *al-Ḥujurāt* di atas, dilanjutkan dengan penjelasan bahawa jika terjadi sikap membangkang dalam proses *iṣlaḥ* tersebut, maka wajib bagi orang mukmin untuk memeranginya sehingga mereka kembali kepada jalan Allah, seperti dijelaskan dalam ayat di bawah ini:

...فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ(٩)

Maksudnya:
"...jika salah satu daripada kedua-dua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil, dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil".

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):9.

Ayat ini merupakan lanjutan daripada perintah mendamaikan antara puak dari golongan orang-orang mukmin yang berselisih. Perintah memerangi puak

[1] Aḥmad bin Ḥanbal (1982), *op.cit.*, J. 5, h. 340.

yang membangkang ini dijelaskan setelah dilakukan usaha untuk mendamaikan kedua-dua puak tersebut, namun jika makin timbul pertentangan antara kedua-dua puak, bahkan mengakibatkan buruknya hubungan antara kedua-duanya, dan terjadinya peperangan serta saling membunuh, yang akhirnya putusnya hubungan antara kedua-duanya yang semestinya dihubungkan. Maka jika berlaku keadaan demikian, wajib bagi orang-orang mukmin yang mempunyai kemampuan dan tidak terbabit dalam konflik tersebut, berusaha untuk meleraikan konflik tersebut dan mengajak untuk kembali kepada hukum Allah dan Rasul-Nya. Firman-Nya:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا(٥٩)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu, kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (al-Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya".

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):59.

Namun, Jika terdapat salah satu daripada kedua-dua puak tersebut menolak untuk kembali kepada hukum Allah, maka dia adalah pemberontak (*bughat*). Cara berkomunikasi yang baik dengan mereka yang membangkang ialah dengan cara memerangi mereka sehingga kembali pada jalan Allah S.W.T..

Namun sebelum masuk kepada tindakan memeranginya, Imām Zamakhsyari dan al-Qurṭubi memberikan beberapa proses yang terlebih dahulu mesti ditempuh sebelum mengambil tindakan memerangi mereka. Pertama, kelompok mukmin yang tidak terbabit dalam konflik mesti mengambil tindakan untuk mendamaikan serta menenangkan dengan cara yang baik kepada kedua-dua puak yang konflk. Dan apabila tidak ada tanggapan daripada kedua-duanya, maka hentikan dengan cara mencari jalan keluar sehingga dapat mencegah konflik tersebut.

Kedua, apabila konflik antara kedua-dua puak tersebut berlaku kerana ada sesuatu yang tidak jelas (*syubhat*), maka terlebih dahulu mesti menghilangkan kesamaran tersebut dengan hujah-hujah yang *qaṭ'iy* atau dalil-dalil yang jelas. Dan terakhir, ialah apabila salah satu daripada kedua-duanya membangkang (*bughat*) dan puak yang lainnya benar, maka baru diperintahkan untuk memerangi puak yang membangkang.[1]

Perintah memerangi pembangkang daripada Allah dalam ayat di atas, adalah setelah dilalui beberapa usaha untuk mendamaikan antara kedua-duanya, akan tetapi kerana salah satu puak tetap membangkang maka diperintahkan untuk memeranginya, cara ini merupakan usaha untuk menolong mereka supaya kembali kepada ajaran Islam. Nabi S.A.W. pun menyatakan dalam hadithnya bahawa

---

[1] Ibn al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsyari al-Khawarizmiy(t.t.), *al-Kasysyāf*, J. 3, Tehran: Intisyarat Aftābi, h. 574. Atau pada: al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 317.

menghalangi serta mencegah daripada perbuatan zalim merupakan cara yang paling baik untuk menolong mereka.

Dalam memerangi orang mukmin yang *bughat* ini, tentu tidak terlepas daripada tujuan yang diperintahkan Alah, iaitu supaya mereka kembali kepada jalan Allah. Sehingga ada beberapa hal yang mesti diperhatikan dalam memerangi mereka seperti yang dijelaskan dalam hadith Nabi yang dikutip oleh al-Qurṭubi berikut ini:

قَالَ ابْنُ عُمَرَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَاعِبَادَاللهِ أَتَدْرِي كَيْفَ حُكْمُ اللهِ فِيمَنْ بَغَى مِنْ هٰذِهِ الْأُمَّةِ؟ قَالَ : اَللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ فَقَالَ: لَا يُجْهَزُ عَلَى جَرِيْحِهَا وَلَايُقْتَلُ أَسِيْرُهَا وَلَا يُطْلَبُ هَارِبُهَا وَلَا يُقْسَمُ فَيْءُ هَا

Maksudnya:
Telah berkata Ibn 'Umar: Telah bersabda Rasulullah S.A.W.: "Wahai hamba-hamba Allah tahukah kamu bagaimana hukum Allah kepada orang-orang yang memberontak dari umat ini?". Sahabat menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui". Bersabda Rasulullah: "Jangan membunuh orang yang terluka daripada mereka, jangan membunuh tawanannya, jangan dikejar orang yang melarikan diri, dan jangan dibagikan harta rampasan mereka."[1]

Selanjutnya jika setelah dilakukan memerangi puak pembangkang dan akhirnya mereka kembali pada jalan Allah, maka wajib orang mukmin yang lain untuk mendamaikannya secara adil.

[1] Al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*,J.8, h.210.

فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ(٩)

Maksudnya:
"...jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):9.

Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa mendamaikan yang dikehendaki antara orang-orang mukmin adalah yang berpegang pada ketentuan Allah, dan kepuasan kedua-dua yang konflik. Maka inilah sebaik-baiknya serta sebenar-benarnya sikap mendamaikan, kerana dia berpegang pada ilmu dan keadilan. Orang mukmin yang demikian ialah orang yang alim, bijaksana, serta adil. Darjat orang tersebut lebih utama daripada darjat orang yang puasa dan solat.[1] Hadith Nabi menyatakan:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّ اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلَ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ قَالُوا : بَلَى قَالَ: صِلَاحُ ذَاتِ الْبَيْنِ فَإِنْ فَسَادَ ذَاتِ الْبَيْنِ هِيَ الْحَالِقَةُ لَا تَحْلِقُ الشَّعْرَ وَلَكِنْ تَحْلِقُ الدِّينَ

Maksudnya:
Telah bersabda Rasulullah S.A.W.: "Mahukah saya beritahukan kepada kamu sekalian sebaik-baiknya kedudukan daripada kedudukan orang yang puasa, solat dan sedekah?". Sahabat menjawab: "Ya." Rasulullah bersabda: "Mendamaikan dalam hubungan sesama, kerana orang yang merosak hubungan sesama ialah pencukur bukannya pencukur kepala, melainkan pencukur agama."[2]
Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhī.

[1] Ibn Qayim al-Jauziyyah (1977), *I'lām al-Muwāqi'īn*, J. 1, Bayrut, Lubnān: Dār al-Fikri, h. 109-110.
[2] Al-Tirmidhī (1975), *op.cit.*, Kitab: Sifah al-Qiyāmah, Bab no. 55, no hadith:2509.

إِنَّ الدِّيْنَ بَدَأَ غَرِيْبًا وَيَرْجِعُ غَرِيْبًا فَطُوْبَى لِلْغُرَبَاءِ الَّذِيْنَ يُصْلِحُوْنَ مَاأَفْسَدَ النَّاسُ مِنْ بَعْدِى مِنْ سُنَّتِى

Maksudnya:
"Sesungguhnya agama (Islam) dimulai dengan keterasingan dan akan kembali terasing, maka berbahagialah orang-orang yang terasing, iaitu orang-orang yang mendamaikan apa yang telah dirosakkan oleh manusia setelahku daripada Sunnahku."[1]

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhī.

كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيْهِ الشَّمْسُ يَعْدِلُ بَيْنَ النَّاسِ صَدَقَةٌ

Maksudnya:
"Setiap anggota tubuh manusia atasnya sedekah setiap hari mulai munculnya matahari, berbuat adil antara manusia adalah sedekah"[2]

Terjemahan hadith riwayat al-Bukhārī.

Hadith-hadith di atas menjelaskan tentang keutamaan orang yang mempunyai kemampuan untuk mendamaikan orang-orang yang konflik, dan keutamaan bagi orang yang berlaku adil dalam mendamaikannya.

Huraian di atas sangat jelas bahawa komunikasi yang paling tepat dalam menghadapi konflik antara dua puak orang-orang beriman adalah mencari penyelesaian untuk menciptakan perdamaian. Adapun memerangi orang mukmin yang membangkang hanyalah sebagai alternatif setelah jalan perdamaian tidak dapat ditempuh, dan memerangi orang mukmin yang membangkang ini, merupakan

[1] Al-Tirmidhī (1975), *op.cit.*, Kitab: al-Īmān, Bab: Mā jā'a anna al-Islām bada'a gharīban wa saya'ūdu gharīban, no hadith: 2629.
[2] Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-Ṣulh, Bab: Faḍlu al-iṣlaḥ bayn al-nās wa al-'adl baynahum.

komunikasi yang paling tepat untuk mereka, namun ini semua tidak terlepas daripada ketentuan-ketenatuan Allah yang telah dijelaskan dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah.

Pada awal perintah mendamaikan ini, Allah masih mensifatkan orang tersebut dengan gelaran mukmin. Persamaan status mukmin ini, adalah supaya membawa kepada persaudaraan yang hakiki, iaitu persaudaraan yang diikat oleh persamaan tauhid atau keimanan. Sehingga ayat selanjutnya Allah menjelaskan:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ(١٠)

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua-dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):10.

Persaudaraan Islam yang terdapat dalam ayat di atas, merupakan perubahan yang dikehendaki dalam proses dakwah, iaitu untuk menyatukan manusia secara keseluruhan dan menghilangkan sikap perpecahan yang merupakan sifat orang-orang Jahiliyah[1].

Konsep ukhuwah atau persaudaraan ini merupakan roh dakwah Islam dan benih pertama yang tumbuh dan menjadi subur pada generasi awal Islam, dan tidak ada sesuatupun daripada pengajaran Islam pada masa itu kecuali yang kelihatan ialah

[1] Lihat Surah Āli-'Imrān (3):103.

persaudaraan Islam, dan ini terbukti telah diterima ketika masuk dalam lingkungan masyarakat Arab Jahiliyah yang penuh dengan konflik antara puak pada ketika itu.

Ukhuwah atau persaudaraan ini merupakan misi yang dibawa oleh Nabi untuk mengubati masyarakat Jahiliyah, untuk membangun persaudaraan ini Rasulullah S.A.W. terlebih dahulu membina kekuatan ikatan sosial di kalangan masyarakat mukmin.

Konsep persaudaraan ini tidak henti-hentinya diajarkan kepada orang mukmin pada masa itu, sama ada secara individu mahupun kelompok, sehingga jelas bahawa ikatan ukhuwah yang diikat oleh agama ini menjadi suatu teras bagi terbentuknya suatu realiti kehidupan Islami.

Keadaan ini yang membezakan antara kehidupan sosial masa Jahiliyah dengan masa Islam, yang mana persaudaraan pada masa jahiliyah ialah persaudaraan yang lemah, iaitu persaudaraan yang diikat oleh puak, keturunan, serta kepentingan sahaja. Tetapi persaudaraan Islam ialah persaudaraan yang lebih luas dan lebih kuat daripada itu, iaitu persaudaraan yang diikat oleh persamaan tauhid dan keimanan, dan persaudaraan ini telah melampaui batas-batas persaudaraan yang hanya diikat oleh puak, keturunan dan kepentingan pada masa Jahiliyah, sebagaimana firman Allah:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوُا الزَّكَاةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَنُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ(١١)

Maksudnya:
"Jikalau mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka (mereka itu) ialah saudara-saudaramu seagama. Dan Kami jelaskan ayat-ayat itu bagi kaum yang mengetahui."

Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9):11.

ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا ءَابَاءَهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا(٥)

Maksudnya:
"Panggillah mereka (anak-anak itu) dengan (memakai) nama bapak-bapak mereka; itulah yang lebih adil di sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapak-bapak mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."

Terjemahan Surah *al-Aḥzāb* (33):5.

Ayat-ayat di atas menjelaskan suatu keadaan yang mana orang-orang mukmin dibawa pada suatu realiti persaudaraan yang hakiki, yang dengan persaudaraan ini dapat membangun suatu ikatan sosial yang harmoni, iaitu persaudaraan Islam. Persaudaraan ini bagi orang mukmin merupakan hal yang sangat penting, kerana ianya diperlukan dalam membina kehidupan sosial yang kuat, dan dapat membangun suatu interaksi yang harmoni.

Keadaan ini merupakan tujuan daripada *iṣlaḥ* yang didasari oleh semangat persaudaraan, sehingga konflik yang terjadi di kalangan orang mukmin dapat dijadikan suatu kekuatan yang positif, iaitu dengan memperkuat ikatan persatuan. Seterusnya ikatan persatuan ini yang akan membangun persaudaran yang di kehendaki oleh Islam.

Dari penjelasan di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa sikap mendamaikan (*iṣlaḥ*) antara orang mukmin dengan cara yang paling baik akan membantu mewujudkan tujuan yang mulia ini iaitu persaudaran Islam, dan ini merupakan sebahagian daripada proses *amr bi al-ma'rūf wa nahy 'an al-munkar*. Selanjutnya keadaan ini akan melahirkan ikatan antara individu orang mukmin dalam masyarakat, dan akhirnya tercipta suatu ketenteraman, keselamatan dan kebersihan bagi setiap jiwa.

Intinya bahawa *iṣlaḥ* atau sikap mendamaikan merupakan salah satu prinsip komunikasi dalam Islam untuk menangani pelbagai konflik antara manusia, khususnya antara orang yang beriman. Apabila tanggungjawab ini dipegang oleh tiap-tiap individu yang beriman, maka konflik antara orang mukmin yang sering kali terjadi sekarang ini dapat dicari jalan keluar sehingga tercipta suatu persaudaraan yang sejati.

Pelbagai perbezaan kepentingan, fahaman politik, perebutan kekuasaan antara orang-orang yang beriman tidak semestinya akan mencetuskan konflik antara

mereka, jikalau semangat persaudaraan ini melekat dalam jiwa mereka. Sebaliknya perbezaan ini merupakan pemangkin dalam beramal menuju keredaan Allah S.W.T..

Adab yang sangat tinggi serta mulia ini yang terkandung dalam perintah *iṣlaḥ* (sikap mendamaikan) dalam ayat di atas, akan membawa pada tujuan kehidupan yang dikehendaki Allah S.W.T.. Dengan bersikap adil dalam mengambil keputusan semasa menghadapi konflik dalaman umat Islam merupakan sifat yang sesuai dengan cita-cita Islam untuk membimbing ke arah pembangunan umat.

IV.5. Penyakit sosial yang dapat menjejaskan proses komunikasi dan interaksi sosial.

Setelah kita mengetahui hikmah yang terkandung dalam berbagai-bagai pengajaran Allah melalui ayat-ayat di atas, antaranya ialah *iṣlaḥ* merupakan salah satu prinsip berkomunikasi dalam menghadapi konflik di kalangan umat Islam. Yang mana dengan *iṣlaḥ* ini dapat menjadikan konflik di kalangan umat Islam sebagai suatu kekuatan positif yang dapat menjadikan umat ini bersatu. Maka pada pembahasan di bawah ini akan dihuraikan tentang beberapa penyakit sosial yang sering menjadi benih-benih konflik serta perpecahan di kalangaan masyarakat muslim dalam berkomunikasi dan berinteraksi.

Semua bersepakat bahawa ajaran Islam tidak hanya mencakupi pembahasan akidah sahaja, melainkan Islam merupakan agama yang sempurna yang di dalamnya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia.

Apabila dilihat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, kita sering mendapati aspek sosial kemasyarakatan ini mendapat perhatian tersendiri sehingga posisinya ditempatkan setelah akidah.[1] Seperti dalam beberapa ayat di bawah ini:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ(٣٠)ثُمَّ الْجَحِيمَ صَلُّوهُ(٣١)ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ(٣٢)إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ(٣٣)وَلَا يَحُضُّ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ(٣٤)

Maksudnya:
"(Allah berfirman): "Peganglah dia lalu belenggulah tangannya ke lehernya." Kemudian masukkanlah dia ke dalam api Neraka yang menyala-nyala. Kemudian belitlah dia dengan rantai yang panjangnya tujuh puluh hasta. Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar. Dan juga dia tidak mendorong (orang lain) untuk memberi makan orang miskin."

Terjemahan Surah *al-Ḥāqqah* (69):30-34.

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ(١)فَذَلِكَ الَّذِي يَدُعُّ الْيَتِيمَ(٢)وَلَا يَحُضُّ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ(٣)فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ(٤)الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ(٥)الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ(٦)وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ(٧)

Maksudnya:
"Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin. Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang solat, (yaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya, orang-orang yang berbuat riya. Dan enggan (menolong dengan) barang berguna."

Terjemahan Surah *al-Mā'ūn* (107): 1-7.

---

[1] Ḥasan Ayūb (t.t.), *al-Sulūk al-Ijtimā'ī fi al-Islām.* Dār al-Muhājirīn li al-Ṭabi'at wa al-Nashr, h. 13.

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ(١١)وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ(١٢)فَكُّ رَقَبَةٍ(١٣)أَوْ إِطْعَامٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ(١٤)يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ(١٥)أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ(١٦)ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ(١٧)أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ(١٨)

Maksudnya:
Maka tidakkah sebaiknya (dengan hartanya itu) ia menempuh jalan yang mendaki lagi sukar?. Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu? (iaitu) melepaskan budak daripada perbudakan, atau memberi makan pada hari kelaparan, (kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat, atau orang miskin yang sangat fakir. Dan dia termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang. Mereka (orang-orang yang beriman dan saling berpesan itu) ialah golongan kanan."

Terjemahan Surah *al-Balad* (90): 11-18.

Pada ayat-ayat tersebut menunjukkan perhatian yang sangat besar kepada kehidupan sosial, juga di dalamnya terdapat beberapa aturan berupa norma-norma agama yang mesti ditaati.

Aturan serta norma yang dijelaskan dalam beberapa ayat di atas mengandungi beberapa matlamat kehidupan sosial yang dicita-citakan oleh Islam, seperti keharmonian, kebersihan dalam berinteraksi dan berkomunikasi, saling menghormati hak orang lain. Semua itu merupakan asas dalam membangun suatu stuktur kehidupaan sosial yang Islami.

Tidak akan dijumpai suatu mazhab dalam sosiologi yang menjadikan *raḥmah* (kasih-sayang), *ta'āwun* (tolong-menolong), saling memberikan kemanfaatan kepada orang lain, dan banyak lagi sebagai asas dalam pembangunan masyarakatnya. Melainkan Islamlah yang membawa pencerahan pada pembangunan masyarakat bertamadun yang berlandaskan asas-asas di atas.

Namun realiti kehidupan manusia sering dihadapkan pada dua keadaan yang berbeza. Dalam penjelasan di atas telah dijelaskan bahawa Islam mengagaskan beberapa norma untuk menciptakan keharmonian dalam kehidupan sosial, maka sebaliknya Islam juga memberikan kawalan terhadap beberapa kemungkinan yang akan merosak keharmonian tersebut yang dikenal sebagai penyakit-penyakit sosial.

Beberapa penyakit sosial yang akan dijelaskan di bawah ini, kebanyakan berakar daripada proses komunikasi yang salah, penyakit-penyakit sosial tersebut ialah seperti yang dijelaskan pada ayat di bawah ini:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ(١١)يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ(١٢)

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olokan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokan) lebih baik daripada mereka (yang mengolok-olokan) dan jangan pula wanita-wanita (mengolok-olokan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka sesungguhnya sebahagian prasangka itu ialah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu menggunjing sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):11-12.

Dalam Kedua-dua ayat di atas, terdapat enam penyakit sosial yang akan merosak kehidupan sosial manusia. Keenam-enam penyakit ini bermula dari proses komunikasi yang buruk antara individu-individu dalam masyarakat tersebut, sebab ukuran keharmonian sebuah masyarakat bermula dari proses komunikasi yang baik antara individu dalam masyarakat tersebut.

Beberapa penyakit sosial yang dijelaskan dalam kedua-dua ayat di atas menunjukan bahawa Allah memberi amaran kepada masyarakat mukmin agar waspada terhadap penyakit sosial tersebut. Jika masyarakat mukmin telah terjangkiti oleh penyakit-penyakit itu, bererti mereka telah masuk dalam keadaan yang buruk, iaitu keadaan di mana hilangnya norma-norma sosial yang akhirnya akan melahirkan keadaan konflik, ketakutan, diskriminasi, fitnah serta perpecahan.

Larangan terhadap perilaku yang termasuk dalam penyakit-penyakit sosial di atas menunjukkan betapa bahayanya penyakit ini dapat merosakkan nilai-nilai kemanusiaan. Untuk jelasnya huraian ini, akan kami huraikan satu-persatu di bawah ini.

IV.5.A. Sikap mencemuh atau merendahkan orang lain.

Firman Allah:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ ...

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mencemuh atau merendahkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang direndahkan) lebih baik daripada mereka (yang merendahkan) dan jangan pula wanita-wanita (mencemuh atau merendahkan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita yang direndahkan) lebih baik daripada wanita (yang merendahkan)..."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):11.

Dalam ayat di atas, yang pertama kali Allah jelaskan dari penyakit-penyakit sosial ini adalah sikap mencemuh atau merendahkan orang lain. Sikap mencemuh dalam ayat ini menggunakan perkataan *yaskharu* iaitu dalam bentuk *fi'il muḍāri'*, atau *al-sukhriyyah* dalam bentuk *maṣdar*-nya. Dalam al-Qur'an perkataan ini mengalami pengulangan sebanyak 42 kali dalam 21 surah. Dari pengulangan yang

banyak ini pada dasarnya perkataan-perkataan tersebut mengandungi empat pengertian[1], iaitu:

1. Menundukkan, seperti dalam ayat:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ ...

Maksudnya:
"Dan Dia telah menundukkan untukmu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya..."
Terjemahan Surah *al-Jāthiyah* (45):13.

2. Menyerang, seperti dalam ayat:

وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ(٦)سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا

Maksudnya:
"Adapun kaum 'Ād maka mereka telah dibinasakan dengan angin yang sangat dingin lagi amat kencang, yang Allah menimpakan angin itu kepada mereka selama tujuh malam dan lapan hari terus menerus..."
Terjemahan Surah *al-Ḥāqqah* (69):6-7.

3. Mengejek, pengertian ini yang dimaksud dalam ayat pada Surah *al-Ḥujurāt* di atas. Juga dalam ayat lain yang menyatakan:

وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ اتَّقَوْا فَوْقَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

[1] Al-Anṣāri (1984), *op.cit.*, h. 386-387.

Maksudnya:
"...dan mereka memandang hina orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertakwa itu lebih mulia daripada mereka di hari Kiamat..."

Terjemahan Surah *al-Baqarah*(2):212.

4. Mempekerjakan, seperti dalam ayat:

لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا

Maksudnya:
"...agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain..."

Terjemahan Surah *al-Zukhruf*(43):32.

Sementara itu Ḥasan Ayūb[1], mengertikan perkataan yang dimaksud dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas, ialah:

الْإِسْتِهَانَةُ التَّحْقِيرُ وَالتَّنْبِيهُ إِلَى الْعُيُوبِ وَالنَّقَائِصِ عَلَى وَجْهٍ يَضْحَكُ النَّاسُ مِنْهُ

Maksudnya:
"Memandang rendah, mengejek serta menjelaskan keburukan dan kekurangan seseorang kepada orang lain, yang membuat orang lain tertawa."

Dalam proses komunikasi keadaan ini sering terjadi apabila ada persaingan, perbezaan pendapat atau salah seorang antara mereka merasa paling baik daripada yang lain. Keadaan seperti ini biasanya terjadi apabila seorang yang berpotensi lebih dari orang lain akan mencari kekurangan atau keburukan orang yang menjadi pesaingnya. Sikap mengejek atau merendahkan ini biasanya dalam bentuk

[1] Ḥasan Ayūb (t.t.), *op.cit.*, h. 162.

perkataan, iaitu dengan cara menceritakan kepada orang lain atau dengan cara mencontohi kekurangan daripada perbuatan serta perkataan seseorang kepada orang lain.

Menurut pandangan ilmu psikologi komunikasi, bahawa dalam komunikasi kelompok atau dalam kelompok masyarakat, sering ditemui usaha anggota kelompok untuk memuaskan keperluan individunya yang tidak relevan dengan keadaannya dalam kelompok masyarakat tersebut, yang mana individu tersebut menunjukkan sikap menyerang. Sikap ini ditunjukkan dengan merendahkan status orang lain, menolak nilai, tindakan atau perasaan orang lain; dan banyak lagi yang bersifat merendahkan keadaan orang lain.[1]

Sikap merendahkan ini apabila berlaku dalam kehidupan sosial akan berimplikasi pada sikap menganggap kecil kepada orang lain dan sikap diskriminasi (membezakan seseorang daripada orang lain). Sikap ini akan sangat menjejaskan hubungan komunikasi serta hubungan sosial, lebih-lebih lagi apabila keadaan masyarakat yang majemuk (*pluralism*), yang mana berbagai-bagai etnis atau warna kulit ada dalam masyarakat tersebut, sehingga akan besar kemungkinan lahirnya potensi diskriminasi.

Namun sebelum memasuki pembahasan tentang pandangan Islam terhadap sikap merendahkan atau sikap diskiriminasi, di bawah ini akan dijelaskan terlebih

[1] Rakhmat (1989), *op.cit.*, h. 197.

dahulu beberapa teori lahirnya sikap diskriminasi yang merupakan perwujudan sikap merendahkan orang lain dalam kehidupan sosial.

IV.5.A.1. Teori-teori diskriminasi.

Terdapat beberapa teori yang menunjukkan bahawa beberapa sikap di bawah ini menunjukkan bentuk diskriminasi, iaitu: Pertama; teori pembahagian kelompok berdasarkan warna kulit. Dalam beberapa kajian, sikap merendahkan orang lain dalam bentuk diskriminasi sering dihubungkan dengan keadaan fizikal, seperti dalam kajian M.G. Smith. Beliau mengkaji bahawa amat penting pengertian warna kulit dalam kehidupan sosial di Carribea. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa warna kulit seseorang akan mengkategorikan individu lain dan mengorientasikan tingkah laku sesama mereka berdasarkan warna kulitnya.[1]

Seperti beberapa tahun yang telah lalu terdapat isu rassial di Amerika antara kulit putih dan kulit hitam, dan isu rassial ini merupakan masalah sosial yang sudah lama bertahan. Atau seperti apertheid di Afrika Selatan yang dengan jelasnya melebihkan satu kaum di atas kaum yang lain dengan alasan perbezaan warna kulit. Semua itu menunjukkan lemahnya norma-norma sosial dalam masyarakat tersebut yang akhirnya akan membawa pada hilangnya keharmonian kehidupan komunikasi

[1] John Rex (1985), *Hubungan Ras Dalam Teori Sosiologi*, A. Nazri Abdullah, M.A. (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

mahupun sosial, dan sebaliknya yang muncul adalah sikap permusuhan dan perpecahan.

Teori kedua; sistem stratifikasi sosial - Dalam kajian lain bahawa warna kulit sangat menentukan tahap stratifikasi sosial dalam kehidupan masyarakat di Amerika. Hal ini dibuktikan oleh Llyod Warner, bahawa penduduk kulit putih di negara tersebut dapat dimasukkan pada beberapa strata (kelas) dalam masyarakat. Sementara itu untuk penduduk kulit hitam (Negro) terdapat halangan yang sangat sukar ditembusi untuk masuk pada strata (kelas) tersebut berbanding dengan kulit putih. Dia menarik kesimpulan bahawa sistem stratifikasi sosial di Amerika ini terdapat persamaan dengan sisitem kasta yang terdapat dalam agama Hindu.[1]

Teori yang terakhir adalah kerana faktor minoriti, potensi merendahkan orang lain akan tinggi potensinya apabila terjadinya sistem majoriti dan minoriti dalam masyarakat tersebut, dan secara dominan kelompok minoriti biasanya menjadi mangsa aniaya oleh kelompok dominan.[2] Hal ini terjadi sama ada kerana faktor minoriti etnis atau minoriti suatu fahaman. Minoriti etnis seringkali menjadi mangsa dari etnis yang majoriti, contohnya dalam kes pembasmian etnis minoriti Yahudi oleh etnis dominan Nazi Jerman.

---

[1] *Ibid*, h.13-14.
[2] John Rex (1985), Op.cit., h.30.

Atau minoriti dalam suatu fahaman seringkali menjadi lebih diasingkan oleh fahaman yang majoriti, seperti parti yang minoriti di suatu negara akan diasingkan oleh parti yang dominan dalam negara tersebut.

Beberapa teori diskriminasi yang dihuraikan di atas sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengambil suatu penyelesaian terhadap permasalahan yang sering terjadi dalam kehidupan sosial. Selanjutnya di bawah ini akan dihuraikan pandangan Islam terhadap sikap merendahkan atau diskriminasi tersebut, serta bahayanya pada sistem kehidupan sosial.

IV.5.A.2. Pandangan Islam terhadap sikap mencemuh dan sikap merendahkan orang lain.

Dari beberapa teori sikap diskriminasi di atas dapat diambil suatu hipotesis bahawa permusuhan dan perpecahan sering berakar daripada sikap merendahkan antara satu kaum dengan kaum yang lain. Keadaan inilah yang menyebabkan lemahnya sistem sosial yang terjadi di kalangan masyarakat Barat yang sekuler atau masyarkat Arab Jahiliyah yang tidak mengenal etika Islam.

Sikap merendahkan ini dilarang oleh Allah S.W.T. terutamanya bagi orang-orang yang beriman, kerana sikap ini sangat berpotensi merosakkan hubungan di kalangan masyarakat muslim. Dengan demikian, sikap ini tidak boleh berlaku pada suatu masyarakat yang telah diikat oleh persamaan akidah.

Perbezaan jenis, warna kulit, bangsa, dan kesukuan banyak berlaku di kalangan masyarakat muslim. Namun semua perbezaan itu akan lebur oleh persamaan akidah, kerana persamaan inilah yang lebih kuat, paling penting, paling kekal, serta yang paling mulia di hadapan Allah S.W.T.. Oleh sebab itu dalam ayat yang menjelaskan larangan terhadap sikap merendahkan ini, Allah memulakan dengan panggilan "Hai Orang-orang yang beriman". Ini menunjukkan bahawa Allah membawa pada suatu persamaan yang hakiki, iaitu persamaan ikatan akidah.

Dalam beberapa ayat al-Qur'an menunjukkan bahawa sikap merendahkan ini merupakan sifat atau karater orang-orang kafir, seperti dalam beberapa ayat di bawah ini:

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يَضْحَكُونَ(٢٩)وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ(٣٠)

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa, ialah mereka yang dahulunya (di dunia) mentertawakan orang-orang yang beriman. Dan apabila orang-orang yang beriman lalu di hadapan mereka, mereka saling mengedip-ngedipkan matanya."

Terjemahan Surah *al-Muṭaffifīn* [83]:29-30.

وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَءَايَاتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ(٦٥)

Maksudnya:
"Dan jika kamu tanyakan kepada mereka (tentang apa yang mereka lakukan itu), tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah bersenda gurau dan bermain-main saja". Katakanlah: "Apakah

dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya kamu selalu berolok-olok?".”

Terjemahan Surah *al-Tawbah* [9]:65.

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَى شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِئُونَ(١٤)اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ(١٥)

Maksudnya:
“Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan: "Kami telah beriman." Dan apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka mengatakan: "Sesungguhnya kami sependirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok". Allah akan (membalas) olok-olokan mereka dan membiarkan mereka terombang-ambing dalam kesesatan mereka.”

Terjemahan Surah *al-Baqarah* [2]: 14-15.

Dengan sikap yang demikian itulah menyebabkan kehidupan sosial di kalangan orang-orang Arab Jahiliyah penuh dengan konflik, diskriminasi atau perpecahan, yang akhirnya stuktur sosial mereka pun rapuh. Kerana mereka mengira bahawa keadaan zahir (yang nampak) merupakan ukuran atau neraca kemuliaan seseorang. Padahal keadaan zahir tidak dapat dijadikan suatu ukuran terhadap keadaan hati serta perasaan seseorang.

Islam datang mengubah stuktur sosial yang kotor dan penuh dengan perselisihan serta diskriminasi, dengan membangun stuktur sosial yang berasaskan sikap saling menghargai kehormatan serta hak orang lain. Ini kerana pada pandangan Allah setiap manusia mempunyai kehormatan yang mesti saling dihargai

dan saling dijaga. Sebaliknya sikap merendahkan dan mendiskriminasi sangat bercanggah dengan norma-norma sosial yang telah Allah atur dalam ayat di atas.

Namun sikap merendahkan ini seringkali berlaku di kalangan masyarakat mukmin, sehingga Rasulullah S.A.W. memberikan peringatan keras terhadap buruknya perbuatan tersebut jika berlaku di kalangan muslim, seperti dalam hadith yang menyatakan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ مُسْلِمٍ

Maksudnya:
"Diterima daripada Abū Hurairah r.a., sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah bersabda: "Termasuk keburukkan seseorang, apabila dia mengejek saudaranya yang muslim"."[1]

Terjemahan hadith riwayat Muslim.

وَعَنْ جُنْدَبِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَ: أَنَّ رَجُلاً قَالَ : وَاللهِ ! لاَ يَغْفِرُ اللهُ لِفُلاَنٍ، وَأَنَّ اللهَ تَعَالَى قَالَ : مَنْ ذَا الَّذِى يَتَأَلَّى عَلَيَّ أَنْ لاَ أَغْفِرَ لِفُلاَنٍ؟ فَإِنِّى قَدْ غَفَرْتُ لِفُلاَنٍ وَأَحْبَطْتُ عَمَلَكَ

Maksudnya:
"Daripada Jundab bin 'Abd Allah r.a., sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Sesunguhnya seseorang telah berkata: Demi Allah, tidaklah Allah akan mengampuni (dosa) si pulan. Berfirman Allah: Siapa yang telah berjanji atas nama Ku, supaya Aku tidak mengampuni si

[1] Muslim (1994), *op.cit.*, Kitab: al-birr wa al-ṣillah wa al-adab, Bab: taḥrim ẓulm al-muslim, no. hadith:32

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

pulan? Sesungguhnya Aku telah mengampuninya, dan telah menghapuskan amalanmu."[1]

Terjemahan hadith riwayat Muslim.

Hadith di atas memberi pengajaran bahawa seringkali orang mukmin menghukumi hati seseorang atas dasar sesuatu yang zahir, kemudian berjanji atas nama Allah bahawa Allah tidak akan mengampuni dosa si pulan. Maka balasan daripada Allah kepada orang tersebut adalah menghapuskan pahala amalan baiknya, dan sebaliknya Allah mengampuni dosa orang yang diburukkannya itu.

Dalam masalah ini Imām al-Zamakhsyari mengatakan: "Hendaknya setiap orang meyakini bahawa boleh jadi orang yang diejek itu lebih baik daripada yang mengejek, kerana manusia tidaklah mengetahui kecuali hal yang nampak sahaja, dan tidak ada pengetahuan pada hal yang tidak nampak. Padahal yang menjadikan indah dalam pandangan Allah itu adalah perasan yang ikhlas serta hati yang takwa. Jadi hendaknya seseorang jangan memandang rendah orang yang lemah yang nampak oleh matanya, seperti orang yang berpenyakitan dalam tubuhnya atau orang yang tidak sempurna dalam berbicaranya. Kerana boleh jadi keikhlasan serta ketakwaan hatinya berbeza dengan sifat yang nampak. Maka termasuk menzaliminya apabila mengejek orang yang mendapat penghormatan di sisi Allah, dan merendahkan orang yang telah mendapatkan kemuliaan di sisi-Nya."[2]

---

[1] Muslim (1994), *op.cit.*, Kitab: al-birr wa al-ṣillah wa al-adab, Bab: al-nahy 'an taqnitu al-insān min raḥmah Allah Ta'āla, no. hadith: 137.
[2] al-Zamakhsyari al-Khawarizmi(t.t.), *op.cit.*, J. 3, h. 580.

Terdapat suatu kejadian yang menyebabkan turunnya ayat ini iaitu berkenaan 'Ikrimah bin Abī Jahl ketika sampai ke Madinah dalam keadaan dia telah memeluk Islam, ketika itu orang-orang muslim yang lain melihatnya, dan mereka berkata: "(Dialah) anak Fir'aun pada umat ini (zaman ini)". Maka 'Ikrimah mengadu kepada Rasulullah S.A.W., kemudian turunlah ayat ini.[1]

Al-Qurṭubi mengutip hadith yang disandarkan kepada Anas bin Abū Zāid, dia telah berkata: Bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan isteri-isteri Nabi yang mencela Ummu Salamah, dengan mengejek "pendek". Dikatakannya juga; bahawa ayat ini diturunkan berkaitan dengan 'Āisyah yang memberikan isyarat dengan tangannya kemudian ia berkata: "Ya Rasulullah sesungguhnya dia itu pendek".[2]

Dalam beberapa riwayat di atas, penulis tidak akan menyoroti masalah perbezaan *asbāb al-nuzūl* tersebut, melainkan penulis melihat pengajaran yang dapat diambil daripada huraian di atas, bahawa bentuk komunikasi yang di dalamnya membicarakan kekurangan serta aib seseorang meskipun kenyataan itu ada pada orang tersebut, adalah jenis komunikasi yang menyebabkan ayat dalam surah *al-Ḥujurāt* itu diturunkan, yang di dalamnya terdapat ancaman terhadap perbuatan

[1] Al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J.8, h. 213.
[2] *Ibid*, h. 214. Lihat juga pada: al-Naysābūriy (1968), *op.cit.*, h. 264.

tersebut. Ini menunjukkan bahawa akibat serta dosa yang dikandunginya amat berat[1], sehingga turun teguran langsung daripada Allah.

Lebih-lebih apabila mencemuh serta memandang rendah itu dengan cara menunduh dengan tuduhan yang tidak benar, seperti suatu kejadian yang dijelaskan dalam Surah *al-Nūr* (24):45. Iaitu apabila berlaku kejadian di mana seseorang menunduh perempuan yang baik-baik berzina. Jika orang yang menuduh itu tidak mampu mendapatkan empat orang saksi yang dapat memperkuat tuduhannya, maka ianya akan mendapatkan tiga sanksi hukum, iaitu; pertama, disebat sebanyak 80 kali; kedua, tidak dapat diterima persaksianya (kerana telah cacat kredibilitinya), dan ketiga, mengumumkan perbuatan fasiqnya kepada semua orang.[2]

Larangan terhadap perbuatan mencemuh, merendahkan dan menghina ini bukan hanya ditujukan kepada seseorang, akan tetapi kepada masyarakat secara keseluruhan, sehingga larangan terhadap perbuatan ini pertama kali Allah tujukan kepada segolongan manusia (*qawm*). Perkataan *qawm* dalam ayat di atas lebih condong pada persamaan ras, dan sifat yang selalunya ada pada hubungan ras adalah kelompok (*qawm*) yang mengeksploitasi kelompok yang lain, bukan individu yang memainkan peranan. Sehingga dalam teori-teori rasis selalunya memberi penjelasan mengenai kelompok bukannya perbezan individu.[3]

---

[1] Lihat Surah *al-Aḥzāb* (33): 58.
[2] Ḥasan Ayūb (t.t.), *op.cit.*, h. 163.
[3] John Rex (1985), *op.cit.*, h.121.

Dalam realiti semasa, seringkali pengertian daripada perkataan *qawm* dalam ayat tersebut lebih dekat pada pengertian suatu kelompok pemahaman keagamaan atau fahaman politik di kalangan masyarakat muslim. Sikap ini seringkali kita jumpai dalam komuniti muslim yang tidak memahami Islam secara menyeluruh. Sehingga dengan pemahamannya telah menenggelamkan mereka di dalam perpecahan. Seperti yang terjadi di beberapa negara muslim dewasa ini, yang mana perbezaan pemahaman keagamaan mahupun perbezaan fahaman politik telah menenggelamkan mereka dalam jurang serta lembah perpecahan. Sesetengah kelompok menganggap bahawa merekalah yang paling benar dan yang lainnya adalah salah. Biasanya sikap ini mereka lakukan demi kepentingan populariti atau menarik simpati orang lain. Sikap inilah yang merupakan kelemahan sebahagian orang-orang Islam.

Keadaan seperti itulah yang dikhuatirkan oleh Nabi S.A.W. berlaku pada umatnya seperti dalam hadith di bawah ini:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اِجْتَنِبُوْا السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ، قَالُوا: يَارَسُوْلَ اللهِ وَمَاهُنَّ؟ قَالَ:اَلشِّرْكُ بِاللهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّاسِ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ إِلَّا بِالْحَقِّ،وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيْمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Maksudnya:
Diterima daripada Abū Hurairah r.a., bahawa Nabi S.A.W. telah bersabda: " Jauhilah oleh kamu sekalian dari tujuh maubiqat." Para sahabat bertanya: "Apa sahaja Ya Rasulullah?" Rasulullah bersabda:

"musyrik kepada Allah, sikap merendahkan (orang lain), membunuh manusia yang telah Allah haramkan kecuali dengan cara haq, memakan riba, memakan harta anak yatim, ... "[1]

Terjemahan hadith riwayat al-Bukhārī.

Selanjutnya larangan sikap merendahkan ini dilanjutkan dengan pengkhususan kepada perempuan. Pengkhususan ini menurut al-Qurṭubi kerana sikap merendahkan ini lebih banyak terjadi di kalangan perempuan.[2]

Pada akhir huraian ini, dapat diambil suatu natijah bahawa setiap manusia tidak dapat menentukan bahawa dia lebih baik daripada orang lain. Perbezaan yang ada pada manusia tidak dapat dijadikan ukuran kemuliaan seseorang, kerana pada dasarnya mereka berasal daripada genetik yang sama. Perbezaan pemahaman di kalangan umat Islam yang sering terjadi, tidak dapat dijadikan alasan untuk saling berpecah dan bersengketa, selama mereka berasas pada pedoman yang sama.

Islam mengharapkan bahawa masyarakat yang ideal (*the ideal society*) ialah masyarakat yang didasarkan kepada kesamaan dan keadilan serta hak milik ditempatkan di tangan rakyat. Yang ditandai oleh persamaan manusia, persaudaraan, dan masyarakat tanpa kelas.[3]

---

[1] Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-Waṣāyā, Bab: qawl Allah Ta'ālā inna al-ladhī ya'kulūna amwāl al-yatāmā ẓulman...no. hadith:2766.

[2] Al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J.8, h. 213.

[3] Ali Shari'ati (1979), *on the Sociology of Islam*, trasleted: Hamid Algar, Berkely: Mizan Press, h. 119.

IV.5.B. Sikap mencela.

Firman Allah:

وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ

Maksudnya:
"...dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri..."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):11.

Sikap mencela atau menyatakan keaiban ini merupakan larangan yang kedua daripada penyakit-penyakit sosial yang dilarang oleh Allah dalam ayat di atas. Dalam huraian di bawah ini, penulis tidak akan banyak memberikan penjelasan, kerana pada dasarnya penyakit sosial yang kedua ini terdapat banyak persamaan dengan penyakit sosial yang pertama yang telah dihuraikan di atas.

Dalam perkataan *al-sakhr* pada penjelasan di atas mengandungi erti memburukkan seseorang dan menjadikan bahan tawa orang lain, sementara perkataan *al-lumaz* mengandungi erti penjelasan daripada menceritakan keburukannya itu.[1]

Kalimat dalam ayat di atas menunjukkan adanya persamaan dengan beberapa kalimat pada ayat-ayat di bawah ini:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ

[1] Al-Anṣāri (1984), *op.cit.*, h. 395.

Maksudnya:
"...janganlah kamu membunuh diri-diri kamu sekalian...".
Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):29.

فَسَلِّمُوا عَلَى أَنفُسِكُمْ

Maksudnya:
"...maka hendaklah kamu memberi salam kepada kamu sekalian..."
Terjemahan Surah *al-Nūr* (24):61.

Redaksi kedua-dua ayat di atas terdapat persamaan dengan ayat dalam surah *al-Ḥujurāt*, yang menunjukkan bahawa orang-orang mukmin itu adalah seperti tubuh yang satu. Apabila dia mencela saudaranya yang beriman, maka dia seperti mencela dirinya sendiri. Sementara itu al-'Allāmah al-Ṭabāṭabā'i menjelaskan bahawa perkatan *anfusakum* pada ayat tersebut, mengisyaratkan bahawa mereka (orang-orang yang beriman) adalah masyarakat yang satu antara sebahagian kepada sebahagian yang lain.[1]

Orang yang berakal tidak mungkin memburukkan dirinya, sehingga dia tidak perlu memburukkan saudaranya kerana dengan memburukkan saudarnya seperti memburukkan dirinya sendiri.[2] Berkenaan dengan sikap mencela ini al-Qurtubi mengutip salah satu hadith Nabi yang menyatakan:

---

[1] Al-Tabātabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 326.
[2] Al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 214.

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ : يُبْصِرُ أَحَدُكُمُ الْقَذَاةَ فِي عَيْنِ أَخِيْهِ وَيَدَعُ الْجِذْعَ فِي عَيْنِهِ

Maksudnya:
Telah berkata Rasulullah S.A.W.: "Seseorang akan nampak kotoran yang ada pada mata orang lain, sementara dia tidak melihat batang yang ada pada matanya sendiri."[1]

Perkatan *al-lumaz* terdapat juga pada beberapa ayat dari surah-surah *madāniyyah* yang menjelaskan bahawa sifat ini merupakan sifat orang munafik. Antaranya, seperti dalam ayat-ayat di bawah ini:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطَوْا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ(٥٨)

Maksudnya:
"Dan di antara mereka ada orang yang mencelamu tentang (pembahagian) zakat; jika mereka diberi sebahagian daripadanya, mereka bersenang hati, dan jika mereka tidak diberi sebahagian daripadanya, dengan serta merta mereka menjadi marah."
Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9): 58.

الَّذِينَ يَلْمِزُونَ الْمُطَّوِّعِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فِي الصَّدَقَاتِ وَالَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ سَخِرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ(٧٩)

Maksudnya:
"(Orang-orang munafik) yaitu orang-orang yang mencela orang-orang mukmin yang memberi sedekah dengan sukarela dan (mencela) orang-orang yang tidak memperoleh (untuk disedekahkan) selain sekedar kesanggupannya, maka orang-orang munafik itu menghina mereka. Allah akan membalas penghinaan mereka itu, dan untuk mereka azab yang pedih."
Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9): 79.

[1] *Ibid*, h. 215.

Perkataan *al-lumaz* pun terdapat dalam surah *makiyyah* berkenaan sifat orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, seperti dalam firman-Nya:

وَيْلٌ لِكُلِّ هُمَزَةٍ لُمَزَةٍ(١)الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ(٢) يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ(٣)

Maksudnya:
"Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat lagi pencela, yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya, dia mengira bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya,"

Terjemahan Surah *al-Humazah* (104): 1-3.

Di sini dapat difahami bahawa di samping sikap seperti ini akan merosak hubungan sosial, larangan terhadap sikap ini juga mengandungi maksud sebagai larangan terhadap sikap serta mental orang-orang munafik serta mental orang-orang yang menolak ayat Allah, yang jelas sangat berbeza dengan sikap orang-orang yang beriman.

Bagi orang-orang yang beriman menyibukkan diri dengan kekurangan diri sendiri adalah lebih baik daripada melihat serta mencela kekurangan orang lain, seperti dalam hadith yang dikutip oleh al-Qurtubi dalam tafsirnya yang menyatakan:

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرءِ أَنْ يَسْتَغِلَّ بِعُيُوبِ نَفْسِهِ عَنْ عُيُوبِ غَيْرِهِ

Maksudnya:
"Termasuk orang yang berbahagia orang yang menyibukkan diri terhadap keburukkan dirinya, daripada keburukkan orang lain."[1]

[1] Al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 215

IV.5.C. Memanggil dengan panggilan yang buruk.

Firman Allah:

وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ(١١)

Maksudnya:
"...dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruknya panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49): 11.

Maksud perkataan *al-nabaza* pada ayat di atas adalah gelaran yang buruk,[1] manakala Muḥammad al-Syawkāni menjelaskan pengertian perkataan *laqab* adalah nama bukan untuk manusia, yang maksudnya adalah gelaran yang buruk, seperti perkataan fasiq, munafik. Atau setiap gelaran yang dengan gelaran tersebut boleh keluar dari nilai-nilai Islam, seperti perkataan anjing, babi, dan himar.[2]

Pembahasan ini merupakan pembahasan yang ketiga daripada penyakit-penyakit sosial, dan pada pembahasan penyakit sosial yang ketiga ini lebih khusus pada bentuk komunikasi lisan (verbal).

---

[1] Al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 215.
[2] Muḥammad bin 'Āli bin Muḥammad al-Syawkāni (t.t.), *Fatḥ al-Qādir*, J. 5. Bayrut, Lubnān: Syirkat Dār al-Arqām bin Abi al-Arqām, h. 66.

Dalam berkomunikasi lisan terutamanya dalam proses komunikasi interpersonal, pemanggilan nama merupakan hal yang sangat penting dalam menciptakan komunikasi yang berkesan. Seorang sastrawan abad pertengahan William Shakespeare pernah mengatakan "apa arti sebuah nama (panggilan)", penulis di sini tidak akan menekankan terhadap apa yang dikatakan oleh sastrawan tersebut. Namun di sini penulis akan menjelaskan bahawa Islam memandang nama atau panggilan merupakan hal yang sangat bererti. Ini kerana tanpa nama-nama, manusia tidak akan dapat berkomunikasi dengan sesama manusia.

Nama sangat berperanan sebagai pengantar atau penghubung apa yang ingin dikatakan seseorang kepada orang lain. Setelah Allah menyempurnakan Nabi Ādam secara fisik, lalu Allah mengajarkan kepadanya nama-nama (Surah *al-Baqarah* [2]:31). Para mufassir mengatakan bahawa yang dimaksud nama-nama adalah hal-hal yang mempunyai nama (*al-musammayāt*). Dan benar sekali bahawa tanpa adanya yang dinama, maka sebuah nama tidak akan bererti, atau bahkan tidak akan ada. Kerana nama merupakan identiti suatu benda yang dinama.

Nama pada manusia bukan hanya identiti melainkan sebuah maruah dan kehormatan yang mesti dijaga. Bahkan Allah sendiripun mempunyai nama-nama yang sangat baik sebagai panggilan kepada-Nya (Surah *al-Isrā'* [17]:110). Dan bagi orang mukmin memanggil dengan nama atau gelaran yang baik merupakan suatu kewajipan kepada mukmin yang lain. Berkenaan dengan hal ini Al-Zamakhsyari mengutip sebuah hadith yang menyatakan:

رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مِنْ حَقِّ الْمُؤْمِنِ عَلَى الْمُؤْمِنِ أَنْ يُسَمِّيَهُ بِأَحَبِّ أَسْمَائِهِ إِلَيْهِ

Maksudnya:
"Diriwayatkan daripada Nabi S.A.W.: Merupakan hak seorang mukmin kepada mukmin yang lain untuk memanggil namanya dengan nama-nama yang disukai."

Huraian di atas menunjukkan bahawa nama atau panggilan sangat bererti bagi seseorang kerana di sebalik nama terkandung kehormatan orang yang mempunyai nama, dan memanggil dengan panggilan atau gelaran yang buruk adalah merupakan bentuk pencabulan terhadap kehormatan seseorang, sehingga menurut al-Qurṭubi perbuatan demikian merupakan perbuatan fasiq.[1] Seperti memberikan nama atau gelaran yang buruk atas dasar perbuatan dosa seseorang sementara orang tersebut telah bertaubat, termasuk pada kategori merosakan kehormatan.

Inti daripada penyakit sosial yang ketiga ini adalah sama dengan kedua-dua penyakit sosial yang telah dijelaskan di atas, iaitu bentuk pelanggaran terhadap kehormatan orang lain, dan perbuatan ini dilarang oleh Allah S.W.T. terutamanya bagi orang-orang yang beriman.

Namun sebaliknya jika memberi gelaran yang disukainya menurut Abū 'Abd Allah bin Huwaiz Mandīdī, adalah sesuatu yang diperbolehkan. Seperti Nabi telah memberikan 'Umar gelaran al-Farūq, Abū Bakar dengan al-Ṣadiq, 'Uthmān dengan

[1] Al-Qurṭubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 215.

Dhū al-Nurayn, Khuzaymah dengan Dhū al-Syahādatayn, Abū Hurairah dengan Dhū al-Syimalayn dan Dhū al-Yadayn.[1]

Kesimpulan yang dapat diambil daripada larangan terhadap penyakit sosial ini bahawa Allah mengarahkan masyarakat Islam kepada sebuah masyarakat yang sangat menjungjung tinggi etika, yang di dalamnya terdapat berbagai-bagai sikap saling menghormati dan saling menjaga kehormatan masing-masing individu dalam masyarakat tersebut.

Kerana ketiga-tiga penyakit sosial yang telah dijelaskan di atas merupakan sifat-sifat Jahiliyah yang telah dilarang oleh Allah ke atas orang-orang yang beriman. Dan mengarahkan supaya orang-orang yang beriman tidak terjangkiti dengan penyakit-penyakit tersebut.

Larangan pada ketiga-tiga penyakit tersebut diperkuat oleh Allah dengan dijelaskan pada akhir ayat bahawa perilaku seperti itu dinamakan bentuk kezaliman.

بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ(١١)

Maksudnya:
"Seburuk-buruknya panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):11.

[1] *Ibid.*, J. 8, h. 216.

Jika keadaan demikian itu adalah bentuk kezaliman, maka wajib bagi masyarakat mukmin untuk menjauhinya. Hal ini kerana masyarakat mukmin seperti yang telah dijelaskan di atas, adalah masyarakat yang mempunyai nilai keimanan, perdamaian, dan ikatan kemanusiaan yang menjadi asas dalam pembentukannya.

IV.5.D. Prasangka buruk.

Firman Allah:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Maksudnya:
"Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa..."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49): 12.

Pada pembahasan di bawah ini akan dihuraikan penyakit sosial yang keempat, iaitu sikap berprasangka buruk. Sikap berprasangka buruk ini dilarang kerana penyakit ini dapat mengakibatkan putusnya ikatan kekerabatan, serta menanam keraguan dan syak-wasangka antara individu dalam masyarakat.

Dalam al-Qur'an terdapat banyak perkataan *al-ẓan* dalam berbagai-bagai bentuk. Daripada berbagai-bagai perkataan *al-ẓan* tersebut tertumpu pada empat erti[1], iaitu pertama, mengandungi erti ilmu, seperti dalam beberapa ayat berikut ini:

[1] Imām al-'Allāmah Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Mukram Ibn Manẓūr al-Afriqiy al-Maṣriy (1994), *Lisān al-'Arab*, J. 13, Bayrut: Dār Ṣadar, h. 272-275.

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعْجَتِكَ إِلَى نِعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخُلَطَاءِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ وَظَنَّ دَاوُدُ أَنَّمَا فَتَنَّاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ(٢٤)

Maksudnya:
"Dāud berkata: "Sesungguhnya dia telah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu untuk ditambahkan kepada kambingnya. Dan sesungguhnya kebanyakan daripada orang-orang yang bersyarikat itu sebahagian mereka berbuat zalim pada sebahagian yang lain, kecuali orang orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh; dan amat sedikitlah mereka ini". Dan Dāud mengetahui bahawa Kami mengujinya; maka dia meminta ampun kepada Tuhannya lalu menyungkur sujud dan bertaubat."

Terjemahan Surah *Ṣād* (38):24.

إِنِّي ظَنَنْتُ أَنِّي مُلَاقٍ حِسَابِيَهْ(٢٠)

Maksudnya:
"Sesungguhnya aku yakin, bahawa sesungguhnya aku akan menemui hisab terhadap diriku."

Terjemahan Surah *al-Ḥāqqah* (69):20.

Kedua, mengandungi erti keraguan, iaitu firman-Nya:

وَإِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَالسَّاعَةُ لَا رَيْبَ فِيهَا قُلْتُمْ مَا نَدْرِي مَا السَّاعَةُ إِنْ نَظُنُّ إِلَّا ظَنًّا وَمَا نَحْنُ بِمُسْتَيْقِنِينَ(٣٢)

Maksudnya:
"Dan apabila dikatakan (kepadamu): "Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar dan hari berbangkit itu tidak ada keraguan padanya", nescaya kamu menjawab: "Kami tidak tahu apakah hari Kiamat itu, kami sekali-kali tidak lain hanyalah menduga-duga saja dan kami sekali-kali tidak meyakini (nya)"."

Terjemahan Surah *al-Jāthiyah* (45):32.

Ketiga, mengandungi erti kebinasaan atau keburukkan, firman-Nya:

وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَنْ يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَا أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَكِنْ ظَنَنْتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِمَّا تَعْمَلُونَ(٢٢)وَذَلِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ أَرْدَاكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ(٢٣)

Maksudnya:
"Kamu sekali-kali tidak dapat bersembunyi daripada persaksian pendengaran, penglihatan dan kulitmu terhadapmu bahkan kamu mengira bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan daripada apa yang kamu kerjakan. Dan yang demikian itu adalah prasangkamu yang telah kamu sangka terhadap Tuhanmu, prasangka itu telah membinasakan kamu, maka jadilah kamu termasuk orang-orang yang merugi."
Terjemahan Surah *Fuṣṣilat* (41):22-23.

Keempat, bererti tuduhan, firman-Nya:

إِذْ جَاءُوكُمْ مِنْ فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ الْأَبْصَارُ وَبَلَغَتِ الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونَا(١٠)

Maksudnya:
"(Iaitu) ketika mereka datang kepadamu dari atas dan dari bawahmu, dan ketika tidak tetap lagi penglihatan (mu) dan hatimu naik menyesak sampai ke tenggorokan dan kamu menyangka terhadap Allah dengan bermacam-macam prabasangka."
Terjemahan Surah *al-Aḥzāb* (33):10.

بَلْ ظَنَنْتُمْ أَنْ لَنْ يَنْقَلِبَ الرَّسُولُ وَالْمُؤْمِنُونَ إِلَى أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزُيِّنَ ذَلِكَ فِي قُلُوبِكُمْ وَظَنَنْتُمْ ظَنَّ السَّوْءِ وَكُنْتُمْ قَوْمًا بُورًا(١٢)

Maksudnya:
"Tetapi kamu menyangka bahawa Rasul dan orang-orang mukmin tidak sekali-kali akan kembali kepada keluarga mereka selama-lamanya dan syaitan telah menjadikan kamu memandang baik dalam hatimu persangkaan itu, dan kamu telah menyangka dengan sangkaan yang buruk dan kamu menjadi kaum yang binasa."

Terjemahan Surah *al-Fatḥ* (48):12.

Erti yang dimaksud dari perkataan *al-ẓan* pada surah *al-Ḥujurāt* di atas ialah pengertian yang terdapat pada nombor tiga, iaitu kebinasaan atau keburukkan. Jadi, maksud prasangka yang mesti dijauhi dalam surah *al-Ḥujurāt* tersebut ialah prasangka yang buruk (*sū'u al-ẓan*) atau prasangka yang menyakiti saudara muslim yang lain.[1] Menurut al-'Allāmah al-Ṭabāṭabā'i, dorongan berprasangka ini adalah dipengaruhi oleh kejiwaan seseorang, iaitu sesuatu yang secara tiba-tiba mendorong jiwa untuk melakukannya tanpa ada usaha untuk meneliti maklumat tersebut.[2]

Disebabkan prasangka ini merupakan pengaruh kejiwaan seseorang, maka untuk memahami sebab timbulnya suatu prasangka tersebut, kita mesti mengkajinya dari aspek psikologi, kerana ilmu ini membahas masalah kejiwaan.

Dalam psikologi sosial terdapat beberapa teori yang menjelaskan timbulnya sikap prasangka (*prejudise*) ini, dan sikap ini tidak hanya berlaku kepada seseorang melainkan dapat juga berlaku pada kelompok atau segolongan manusia. Beberapa teori tersebut adalah seperti yang berikut:

---

[1] Al-Ṭabāṭabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h.327. lihat pula pada: Ḥasan ayūb (t.t.), *op.cit.*, h. 92.
[2] Al-Ṭabāṭabā'i (1991), *op.cit.*, J.18, h.327.

1. *Realistic group conflict.*

Teori ini menjelaskan jika terjadinya perdebatan antara kedua-dua kelompok kerana faktor sumber kehidupan yang sedikit, sehingga saling mempertahankan satu sama lain. Pada akhirnya terjadi permusuhan antara mereka. selanjutnya permusuhan tersebut akan menimbulkan suatu penilaian yang negatif antara satu dengan yang lain, itulah yang dinamakan prasangka (*prejudise*). Jadi teori ini menjelaskan bahawa prasangka merupakan akibat dari suatu konflik.[1]

2. *Psychodynamic theories.*

Teori ini menganalisis bahawa prasangka itu terjadi kerana sikap yang diakibatkan oleh adanya ketegangan antara individu.[2] Atau dengan perkataan lain, teori ini menjelaskan bahawa prasangka ini timbul akibat tanggapan daripada konflik dalam diri seseorang, seperti sikap tidak dapat menyesuaikan diri. Jadi teori ini beranggapan bahawa prasangka itu timbul kerana kondisi seseorang,[3] dan teori ini juga lebih menekankan pada fakta-fakta yang dinamik dari setiap keperibadian seseorang dibanding faktor-faktor perilaku kumpulan (*group*) manusia seperti dalam teori di atas.

---

[1] David, O. Sears., et. Al. (1985), *Social Psychology*, 5th edition, New Jersey, United States of America: Prentice-Hall, inc., Englewood Cliffs, h. 399.
[2] *Ibid*, h. 401.
[3] Kay Deaux, et.al. (1993), *Social Psychology in the '90s*, 6th edition, California, USA: Brooks/Cole Publishing Company, Pacific Grove, h. 355.

3. *Cognitive proses.*

Teori ini menjelaskan bahawa kesedaran yang sistematik cenderung akan bias dan akhirnya akan menimbulkan kesan. Daripada kesan inilah orang merasa untuk cuba membangun struktur kesedaran tersebut kepada orang lain, sehingga terciptalah sebuah prasangka.[1]

Berdasarkan beberapa teori tersebut, Brower dan Kramer seperti yang dikemukakan oleh Kay Deaux, membuat analisis bahawa prasangka (*prejudise*) itu ialah perilaku yang negatif atau tindak balas emosional terhadap fakta atau keterangan sekumpulan orang akibat daripada sikap *intolerant*, tidak wajar (*unfair*), dan sikap yang tidak baik kepada kumpulan itu.[2]

Beberapa teori serta huraian tentang terjadinya suatu prasangka yang telah dijelaskan di atas, dapat difahami bahawa jika seseorang yang berprasangka, maka yang demikian menunjukkan jiwanya dalam keadaan tidak baik dan pemikirannya berdasarkan pada pengetahuan yang tidak benar sehingga mendorong lahirnya penilaian yang buruk terhadap orang lain. Hadith Nabi menyatakan:

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيْثِ

Maksudnya:
Telah bersabda Rasulullah S.A.W.: "Hati-hatilah terhadap prasangka, kerana prasangka itu adalah sedusta-dustanya perkataan."[3]
Terjemahan hadith riwayat al-Bukhāri.

---

[1] David, O. Sears., et. Al. (1985), *op.cit.*, h. 401.
[2] Kay Deaux, et.al. (1993), *op.cit.*, h. 355.
[3] Al-Bukhāri (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-waṣāyā, Bab: min ba'di waṣiyyah yūṣā bihā aw dayn.

Perlu dijelaskan di akhir huraian ini, bahawa banyaknya perkataan *al-ẓan* yang terdapat dalam al-Qur'an seperti yang telah dijelaskan di atas, menunjukkan tidak semua prasangka (dalam pengertian secara umum) dilarang. Terdapat beberapa prasangka yang boleh serta wajib hukumnya seperti penjelasan di bawah ini.

1. Prasangka yang mubah ialah prasangka yang hanya terlintas dalam hati seorang muslim kepada saudaranya kerana ada kecurigaan, jenis prasangka ini ialah prasangka yang tidak menjadi kenyataan.
2. Prasangka yang sunat ialah baik sangka kepada saudaranya, seperti dalam Surah *al-Nūr* (24) ayat 12.
3. Prasangka yang diperintahkan ialah prasangka pada sesuatu yang tidak ada nash yang dapat dijadikan petunjuk (dalil) yang menghubungkan pengetahuan, seperti menerima syahadat seseorang, atau menentukan arah kiblat.[1]

Jadi kesimpulan yang dapat diambil daripada perkatan *al-ẓan* yang mesti dijauhi oleh orang-orang yang beriman ialah buruk sangka yang tidak ada dasar kesahihannya dan dapat menyakiti orang lain, meresahkan serta menyebarkan syak-wasangka di kalangan masyarakat muslim.

---

[1] Al-Anṣārī (1984), *op.cit.*, h. 412.

IV.5.E. Merisik.

Firman Allah:

... وَلَا تَجَسَّسُوا ...

Maksudnya:
"...dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain..."
Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49): 12.

Menyukai keingintahuan terhadap suatu rahsia merupakan tabiat manusia. Dengan tabiat ini manusia sering menerokai sesuatu hal yang tersembunyi yang belum diketahui sehingga dapat diketahui dengan jelas. Namun Islam mengatur dalam suatu keadaan, tabiat ini tidak boleh dilakukan, kerana akan memasuki sesuatu zon (wilayah) yang bukan wewenangnya, iaitu wilayah kehormatan saudara mukmin yang lain.

Setiap manusia mempunyai batas-batas kehormatan yang orang lain tidak boleh mengetahuinya, sama ada dengan cara merisik atau mengintip. Kerana perbuatan merisik kekurangan serta keburukan orang lain akan merosakkan kehormatannya. Sikap merisik atau mengintip ini dalam ayat di atas disebut dengan perkataan *al-tajassus*.

Ḥasan Ayūb mengertikan perkataan *al-tajassus* pada ayat di atas adalah:

اَلْبَحْثُ عَنْ عَوْرَاتِ الْمُسْلِمِيْنَ وَمَعَايِبِهِمْ وَاسْتِكْشَافِ الْمَسْتُوْرِ مِنْ أُمُوْرِهِمْ

Maksudnya:
"Menceritakan aurat orang-orang muslim dan memburukkannya, serta menyingkapkan (membuka) sesuatu yang rahsia daripada urusannya."[1]

Sikap *al-tajassus* ini merupakan buah daripada buruk sangka (*sū'u al-ẓan*), kerana apabila dalam hati seseorang mempunyai prasangka buruk, maka dari prasangka buruk tersebut seterusnya akan dilanjutkan dengan merisik untuk mencari apa-apa yang menjadi sangkaannya.

Setiap orang yang beriman mesti mengetahui batas-batas kehormatan saudaranya yang lain, yang mana dia tidak boleh merosakkan kehormatan tersebut. Rumah atau tempat kediaman merupakan kehormatan seseorang, kerana di dalam rumah terdapat beribu-ribu bahkan berjuta-juta kehormatan yang tidak boleh diketahui oleh orang lain. Apabila seseorang merisik atau mengintip saudaranya dari tempat kediamannya maka dia dianggap telah melanggar batas-batas kehormatannya.

Demikian pula dengan mengintip rahsia orang lain, termasuk juga dalam bentuk perilaku yang disebut di atas. Kerana perbuatan tersebut dapat menimbulkan kemudaratan kepadanya serta akan mencabuli kebebasan serta kemerdekaannya. Hadith Nabi menyatakan:

[1] Ḥasan Ayūb (t.t.), *op.cit.*, h. 122.

عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ : خَطَبَنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَامَعْشَرَ مَنْ أَمَنَ بِلِسَانِهِ وَلَمْ يَدْخُلِ الْإِيْمَانُ قَلْبَهُ لَا تَتَّبِعُوْا عَوْرَاتِ الْمُسْلِمِيْنَ فَإِنْ تَتَبَّعَ عَوْرَاتِ الْمُسْلِمِيْنَ فَضَحَهُ اللهُ فِي قَعْرِ بَيْتِهِ

Maksudnya:
Diterima daripada Abī Barzah al-Aslamiy, bahawasannya dia telah berkata, telah berkhutbah kepada kami Rasulullah S.A.W.: "Wahai sekalian manusia yang telah beriman dengan lisannya dan belum masuk keimanan dalam hatinya, janganlah engkau mengikuti (memata-matai) aurat (kehormatan) orang-orang muslim. Kerana jika engkau mengikuti (memata-matai) kehormatan orang muslim, maka Allah akan membuka keburukkan yang terjadi di dalam rumahnya."[1]
Terjemahan hadith riwayat Abū Dāud.

Sikap merisik atau mengintip ini termasuk dalam penyakit sosial, kerana sikap ini akan menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat. Setiap individu akan merasa terancam kehormatan serta kemerdekaannya. Sebagai contoh, di kalangan masyarakat negara liberal yang tidak mempunyai etika seperti ini, seringkali sikap merisik yang berlebihan para wartawan dan papparazi (juru gambar) di negara tersebut telah menjadi masalah tersendiri. Terutamanya bagi seseorang yang dikenali umum sama ada tokoh politik, pegawai kerajaan, artis, pelakon dan lain-lain akan merasa kebebasannya dibatasi kerana perilaku wartawan-wartawan yang berlebihan. Di manapun mereka ini berada, para wartawan atau papparazi (juru gambar) sentiasa mengambil peluang untuk menulis berita dan mengambil gambarnya. Bahkan sebagai contoh, kematian Lady Diana dikatakan erat kaitannya dengan kebebasan

[1] Abū Dāud (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-Adab, Bab: ghībah, no. hadith: 4880.

seorang wartawan dan paparazi yang berlebihan sehingga mengancam serta merosakkan kebebasannya.

Berdasarkan contoh kecil ini jelas menunjukkan alangkah besarnya akibat secara sosial yang ditimbulkan dari sikap merisik atau mengintip ini. Yang mana setiap orang akan merasa resah kerana kebebasan serta haknya terancam. Di samping itu juga sikap merisik ini akan menjejaskan sistem berkomunikasi. Melalui contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa sikap merisik ini akan mengakibatkan kehidupan komunikasi menjadi tidak harmoni, kerana salah satu antara kedua-duanya merasa terancam kehormatannya.

Islam mengajarkan bahawa kehormatan seseorang adalah hak setiap individu dalam masyarakat. Apabila terdapat orang yang merasa kehormatannya dicabuli maka haknya selaku anggota masyarakat telah dilanggar. Dalam kehidupan sosial, pemerintah wajib menjatuhkan hukuman atas perbuatan orang yang merosakkan kehormatan dan hak orang lain.

Islam telah mengatur adab sosial yang demikian agung dan mulia ini dalam berbagai-bagai bentuk perintah serta larangan dalam aturan-aturan sosialnya. Hal ini demikian, kerana Allah tidak akan melarang sesuatu melainkan jika terdapat kemudaratan di dalamnya. Larangan perbuatan merisik ini menunjukkan adanya kemudaratan disebaliknya, sama ada bagi individu ataupun masyarakat. Dan

kemudaratan dari sikap merisik ini bukan hanya berimplikasi terhadap stuktur sosial tetapi juga terhadap kehidupan di akhirat kelak.

Adapun mengintip seseorang yang melakukan maksiat untuk tujuan mencegah dan memberikan persaksian, maka yang demikian itu termasuk perbuatan *amr bi al-ma'rūf wa nahy 'an al-munkar*. Seperti dalam kes-kes tertentu yang memerlukan saksi bagi menentukan hukuman. Jadi, sikap merisik atau mengintip yang dilarang dalam ayat di atas ialah sikap merisik atau mengintip yang akan merosakkan serta mengorbankan kehormatan orang lain yang tidak ada kebenaran atasnya.

IV.5.F. *Ghībah* (mengumpat).

Firman Allah:

وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ(١٢)

Maksudnya:
"...dan janganlah sebahagian kamu menggunjing sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):12.

Selanjutnya penyakit sosial yang terakhir dalam pembahasan penyakit-penyakit ini ialah *ghībah*. Pada hakikatnya tidak terdapat perbezaan antara para ulama dalam mentafsirkan erti daripada perkataan *ghībah*, kerana perkataan *ghībah* ini telah dijelaskan dalam hadith Nabi pada huraian bab ketiga, yang menyatakan:

> Maksudnya:
> Telah bersabda Rasulullah S.A.W. : "Apakah kamu sekalian tahu apakah itu *ghībah* (mengumpat)?", para sahabat menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui". Beliau bersabda, "Kamu membicarakan saudaramu tentang sesuatu yang dia benci tentangnya itu". Salah seorang sahabat bertanya: "Bagaimana jika sesuatu yang dibicarakan itu betul terdapat pada saudara saya itu?", Beliau bersabda: "Jika betul terdapat pada saudaramu (apa-apa yang dibicarakan itu) maka kamu telah mengumpatnya (*ghībah*), dan jika tidak terbukti pada saudaramu (apa-apa yang dibicarakan itu) maka kamu telah membuat kebohongan".[1]
>
> Terjemahan hadith riwayat Muslim.

Berdasarkan hadith inilah, para ulama mendefinisikan *ghībah* ini ialah perbuatan membicarakan saudara muslim, sesuatu yang dia benci jika disampaikan kepadanya,[2] iaitu dengan membicarakan kekurangan-kekurangan atau keburukan-keburukan orang lain. Kekurangan tersebut sama ada terdapat dalam tubuh, keluarga, perilaku atau keadaan-keadaan lain.

Perbuatan *ghībah* ini merupakan perilaku lisan seseorang, kerana *ghībah* bererti membicarakan keburukan atau aib seseorang. Perbuatan ini selain merupakan perbuatan dosa, juga akan mejejaskan proses komunikasi, kerana akan melahirkan proses komunikasi yang tidak bermakna. Dalam hai ini al-Ghazāli mengkategorikan

---

[1] Muslim (1994), *op.cit.*, J. 15, hadith no. 6536, h. 358.
[2] Ḥasan Ayūb (t.t.), *op.cit.*, h. 140.

pembahasan *ghībah* ini pada pembahasan tentang salah satu bencana daripada bencana-bencana lisan.[1]

Menurut al-Ḥasan seperti yang dikutip oleh al-Ghazāli, bahawa dalam al-Qur'an perbuatan *ghībah* ini menggunakan tiga bentuk perkataan, iaitu; *al-ifk*, *al-buhtān*, dan *al-ghībah*. Pengertian perkataan *al-ghībah* adalah seperti yang telah dijelaskan di atas, sementara pengertian *al-buhtān* ialah membicarakan sesuatu yang tidak benar dalam diri seseorang. Manakala pengertian perkataan *al-ifk* ialah membicarakan sesuatu yang ada pada orang lain daripada berita yang sampai kepadanya.[2]

Semua ulama bersepakat tentang larangan terhadap perilaku *ghībah* ini, bahawa perbuatan ini adalah perbuatan dosa. Namun mereka berbeza dalam mengkategorikan perbuatan *ghībah* ini, sama ada termasuk pada kelompok dosa besar (*al-kabāir*) atau kelompok dosa kecil (*al-saghāir*). Al-Qurtubi mengambil pendapat daripada kesepakatan para ulama yang mengatakan bahawa *ghībah* ini merupakan dosa besar. Sementara itu al-Ghazāli dan al-Syafī'i melihatnya sebagai dosa kecil.[3]

---

[1] Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazāli (1967), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, J. 3, Qahirah: Mu'assasah al-Ḥalabi wa Syirkah li al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 176.
[2] *Ibid*, h. 180.
[3] Ḥasan Ayūb (t.t.), *op.cit.*, h.142.

Perbezaan pendapat tentang dosa besar atau dosa kecil daripada perbuatan *ghībah* ini, menunjukkan bahawa perbuatan tersebut merupakan suatu gejala yang tidak baik. Lantaran itu perbuatan *ghībah* ini digambarkan oleh Allah S.W.T. seperti orang yang memakan daging bangkai saudaranya, kerana orang yang berperilaku *ghībah* ialah orang yang mengoyak-ngoyakkan kehormatan orang lain, dan ini sama seperti orang yang mengoyak-ngoyak daging bangkai saudaranya.

Gambaran di atas menunjukkan kemudaratan apabila perilaku ini terjadi di kalangan masyarakat mukmin, sehingga Allah mencontohkannya dengan perbuatan yang menjijikkan iaitu memakan bangkai, yang perbuatan ini tidak layak terjadi di kalangan orang Islam, melainkan perbuatan memakan bangkai ini layaknya seperti kebiasaan haiwan.

Huraian di atas dapat diambil suatu petunjuk bahawa *ghībah* merupakan perbuatan yang mengandungi kemudaratan yang besar, sama ada secara akidah kerana telah melanggar salah satu larangan Allah S.W.T., atau secara sosial kerana perbuatan ini akan melahirkan penyakit-penyakit sosial yang lainnya seperti prasangka, saling curiga, dan menyebarkan fitnah.

Adapun bagi seseorang yang mendengar perbuatan *ghībah*, maka dia wajib untuk melarang orang tersebut daripada perbuatannya, atau menghindarkan diri daripada perbuatan itu. Seperti dalam firman Allah yang menyatakan:

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَخُوضُونَ فِي ءَايَاتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ وَإِمَّا يُنسِيَنَّكَ الشَّيْطَانُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ الذِّكْرَى مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ(٦٨)

Maksudnya:
"Dan kamu melihat orang-orang yang memperolok-ngolok ayat-ayat Kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka membicarakan pembicaraan yang lain. Dan jika syaitan menjadikan kamu lupa (akan larangan itu), maka janganlah kamu duduk bersama orang-orang yang zalim itu sesudah teringat (akan larangan itu)."
Terjemahan Surah *al-An'ām* (6): 68.

Sementara itu, disebabkan *ghībah* ini merupakan perbuatan dosa (sam ada dosa besar atau kecil), maka orang yang telah berbuat *ghībah* hendaklah bertaubat. Hasan Ayūb mengutip penjelasan Imām al-Nawawī yang menyatakan bahawa sempurnanya taubat itu apabila terpenuhinya tiga syarat, iaitu menyesal atas perbuatan dosanya, berazam untuk tidak mengulanginya, menghindari serta meninggalkan perbuatan dosa tersebut.[1]

Ḥasan Ayūb menjelaskan bahawa ketiga-tiga persyaratan tersebut adalah jika perbuatan dosa tersebut berhubungan antara seseorang dengan Allah, namun jika perbuatan dosanya terdapat hubungan dengan sesama manusia maka orang itu mesti menyempurnakan dengan syarat yang keempat, iaitu mengembalikan haknya kepada orang yang telah diambil haknya.[2]

[1] Hasan Ayub (t.t.), *op.cit.*, h. 144.
[2] *Ibid.* h. 144.

Berkenaan dengan keterangan tersebut di atas, bagi seseorang yang telah berbuat *ghībah* hendaklah meminta maaf kepada orang yang pernah dijadikan objek *ghībah*nya. Dengan cara ini dia telah mengembalikan hak kehormatannya kepada orang tersebut.

Menurut Imām al-Ghazāli, perbuatan *ghībah* ini biasanya terjadi kerana disebabkan oleh sebab-sebab berikut ini:

1. Untuk mengubati kemarahan, sebab apabila telah reda amarah (marah) biasanya akan timbul dendam. Dan untuk mengubati marahnya itu seseorang akan menyebutkan keburukan orang lain yang menjadi lawannya.
2. Berlebih-lebih dengan kawan dalam perkumpulan yang mengumpat orang lain.
3. Sangkaan seseorang kepada orang lain dengan sangkaan yang buruk yang akan membawa pada perbuatan *ghībah*.
4. Untuk melepaskan diri daripada kesalahannya sehingga menyalahkan orang lain.
5. Mengangkat dirinya sendiri dengan merendahkan orang lain.
6. Dengki kepada orang yang terpandang di kalangan orang ramai, dengan mengungkapkan kebaikan dirinya sendiri.
7. Gelaran atau ejekan yang merendahkan orang lain.
8. Memburukkan seseorang dengan membuatnya sebagai bahan tawaan orang lain.[1]

[1] Al-Ghazāli (1967), *op.cit.*, J. 3. h. 182-183.

Adapun menurut al-Nawawi bahawa terdapat beberapa perbuatan *ghībah* yang diperbolehkan kerana ia merupakan usaha untuk melerai dan mencegah daripada perbuatan dosa seseorang. Perbuatan *ghībah* tersebut adalah:

1. Perbuatan zalim, dibolehkan orang yang dizalimi untuk membicarakan kezaliman seseorang kepada kadi atau pemerintah bahawa seseorang telah menzaliminya.
2. Bentuk pertolongan untuk mencegah kemungkaran dan menolak kemaksiatan, kepada seseorang yang telah jelas perbuatan tersebut dengan menyebutkan keburukannya itu.
3. Meminta fatwa, seperti meminta fatwa daripada seorang mufti bahawa si pulan telah berbuat seperti ini kepada si pulan. Yang dengan cara ini mufti dapat memberikan fatwanya.
4. Peringatan kepada kaum muslimin daripada kelengahan yang akan memberikan kemudaratan baginya, dengan cara menjelaskan kecacatan seseorang. Seperti kecacatan para perawi hadith, mencacatkan persaksian (syahadah), atau mencacatkan penyandaran terhadap suatu fatwa sementara orang tersebut tidak mengetahuinya.
5. Menyatakan secara terang-terangan terhadap bentuk kefasiqkan seseorang, seperti mabuk, judi dan sifat-sifat lain yang jelas telah menunjukkan sikap kefasiqkan.
6. Memanggil dengan gelaran yang menjelaskan kekurangannya, seperti buta, pincang, gemuk atau gelaran-gelaran lain kerana gelaran tersebut lebih dikenali

di kalangan masyarakat daripada namanya, dan orang yang mempunyai gelaran tersebut tidak merasa direndahkan serta tidak marah. Tetapi jika terdapat gelaran yang baik, maka mestilah diutamakan memanggil dengan gelaran tersebut.[1]

Beberapa penyakit sosial yang telah dihuraikan di atas, merupakan perbuatan yang akan merosakkan kehormatan orang lain dan akan merosakkan keharmonian kehidupan sosial masyarakat muslim. Larangan terhadap perbuatan-perbuatan tersebut merupakan arahan daripada Allah S.W.T. bagi manusia dalam berinteraksi sosial, sehingga dengan arahan itu akan lahir sikap saling menghormati dan saling menjaga hak serta kehormatan orang lain.

Jika dalam kehidupan sosial bersih daripada penyakit-penyakit sosial tersebut, dengan sendirinya akan tercipta sebuah masyarakat yang gemilang, iaitu masyarakat yang semua individu di dalamnya mempunyai tanggungjawab bersama dalam menciptakan masyarakat yang bermaruah.

IV.6. Komunikasi antara kelompok.

Firman Allah:

يَاأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ(١٣)

[1] Ḥasan Ayūb, (t.t.), *op.cit.*, h.146-147, lihat juga pada: al-Ghazāli (1967), *op.cit.*, J.3, h. 190-191.

Maksudnya:
"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Terjemahan Surah *al-Ḥujurāt* (49):13.

Ayat ini merupakan seruan terakhir dalam surah *al-Ḥujurāt*. Seruan ini merupakan seruan yang bersifat umum setelah beberapa seruan sebelumnya yang bersifat khusus kepada orang yang beriman sahaja. Pada ayat ini Allah menyeru dengan menggunakan perkataan *al-nās* yang bermakna manusia.

Pada ayat-ayat terdahulu yang telah dihuraikan di atas, Allah menjelaskan prinsip-prinsip berupa etika atau tataadab dalam berkomunikasi dan berinteraksi. Manakala pada ayat ini Allah mengkukuhkan dengan seruan kepada seluruh manusia, bahawa perbezaan jenis kelamin, suku, puak, warna kulit, bahasa, dan bangsa bukan bererti akan membawa pada sikap saling merendahkan, mencemuh, memburukkan, merisik, dan saling membicarakan kekurangan masing-masing puak, melainkan semua perbezaan itu akan menjadi suatu komuniti tunggal yang mempunyai kekuatan besar daripada kumpulan semua potensi yang berbeza, apabila terjadinya suatu interaksi yang berasaskan sikap toleran atau saling memahami antara satu dengan yang lain.

Dalam al-Qur'an terdapat tiga kata kunci yang mengandungi pengertian manusia, iaitu *al-basyar*, *al-insān*, dan *al-nās*.[1] Perkatan *al-basyar* dalam al-Qur'an sering dihubungkan dengan sifat biologi manusia, seperi makan, minum, berjalan-jalan di pasar, seks, dan sifat dalam hal berbuat dosa. Seperti dalam beberapa ayat di bawah ini:

قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ قَالَ كَذَلِكِ اللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَى أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ(٤٧)

Maksudnya:
"Maryam berkata: "Ya Tuhanku, betapa mungkin aku mempunyai anak, padahal aku belum pernah disentuh oleh seorang laki-laki pun." Allah berfirman (dengan perantaraan Jibril): "Demikianlah Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Apabila Allah berkehendak menetapkan sesuatu, maka Allah hanya cukup berkata kepadanya: "Jadilah", lalu jadilah dia."

Terjemahan Surah *Āli 'Imrān* (3): 47.

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا(١١٠)

Maksudnya:
Katakanlah, "Sesungguhnya aku ini hanya seorang manusia seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku: "Bahawa sesungguhnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan Yang Esa". Barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhannya maka hendaklah dia mengerjakan amal soleh dan janganlah dia mempersekutukan seorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya"."

Terjemahan Surah *al-Kahfi* (18):110.

---

[1] Jalaluddin Rakhmat (1994), "Konsep-Konsep Antropologis", dalam Budhy Munawar Rachman (ed), *Kontekstualisasi Doktrin Islam Dalam Sejarah*, Jakarta: Yayasan Paramadina, h. 75-77.

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَاسْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ(٦)

Maksudnya:
"Katakanlah, "Bahawasanya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawasanya Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka tetaplah pada jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan mohonlah ampun kepada-Nya. Dan kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang mempersekutukan (Nya),"

Terjemahan Surah *Fuṣṣilat* (41):6.

Ayat-ayat di atas merupakan sebahagian daripada ayat-ayat yang menjelaskan tentang makna yang terkandung dalam perkataan *al-basyar*.[1]

Selanjutnya perkataan *al-Insān*, sering dihubungkan dengan keistimewaan sebagai khalifah, pemikul amanah, keadaan negatif diri manusia, dan proses penciptaan manusia. Itu semua menunjukkan pada sifat psikologi manusia, seperti dalam firman-Nya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا(٧٢)

Maksudnya:
"Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat pada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh,"

Terjemahan Surah *al-Aḥzāb* (33): 72.

[1] Lihat juga pada Surah *Fuṣṣilat* (41):6; *al-Furqān* (25): 7 dan 20; *al-Aḥzāb* (33): 33; *Yūsuf* (12): 31.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ(٤)ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ(٥)

Maksudnya:
"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (Neraka),"

Terjemahan Surah *al-Ṭīn* (95): 4-5.

Yang terakhir ialah perkataan *al-nās*, perkataan ini lebih tertumpu kepada manusia sebagai bahagian daripada kelompok sosial atau sebagai bahagian daripada satu generasi, seperti dalam ayat-ayat di bawah ini:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ(٨)

Maksudnya:
"Di antara manusia ada yang mengatakan, "Kami beriman kepada Allah dan Hari Kemudian", padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman."

Terjemahan Surah *al-Baqarah* (2):8.

يَاأَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ(٢١)

Maksudnya:
"Hai manusia, sembahlah Tuhanmu Yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu, agar kamu bertakwa."

Terjemahan Surah *al-Baqarah* (2):21.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ(١٦٥)

Maksudnya:
"Dan di antara manusia ada orang-orang yang menyembah tandingan-tandingan selain Allah; mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman sangat cinta kepada Allah. Dan jika seandainya orang-orang yang berbuat zalim itu mengetahui ketika mereka melihat siksa (pada hari Kiamat), bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya dan bahawa Allah amat berat siksaan-Nya (nescaya mereka menyesal)."

Terjemahan Surah *al-Baqarah* (2): 165.

Dalam al-Qur'an, perkataan *al-nās* diulang sebanyak 20 kali, pengulangan ini lebih banyak dibanding perkataan *al-basyar* dan *al-insān*. Dari pengulangan tersebut, erti dari makna-maknanya lebih menekankan kepada manusia sebagai makhluk sosial yang suka berkelompok. Jadi perkataan *al-nās* ini lebih bertumpu kepada posisi manusia sebagai bahagian daripada suatu komuniti, kelompok dan generasi.

Bentuk jamak daripada perkataan *al-nās* iaitu *unās*, perkataan tersebut mengalami pengulangan sebanyak lima kali dalam al-Qur'an, yang menunjukkan kelompok atau golongan, seperti yang terdapat pada Surah *al-Baqarah* (2):60; Surah *al-A'rāf* (7):160; Surah *al-Isrā'* (17):71; Surah *al-Naml* (27):56. Dalam surah al-Baqarah (2):60, perkataan *unas* digunakan untuk menunjukkan 12 golongan Bani Isrāil, seperti dalam ayat di bawah ini:

وَإِذِ اسْتَسْقَى مُوسَى لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا
قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشْرَبَهُمْ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ
مُفْسِدِينَ(٦٠)

Maksudnya:
"Dan (ingatlah) ketika Mūsa memohon air untuk kaumnya, lalu Kami berfirman: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu". Lalu memancarlah daripadanya dua belas mata air. Sungguh tiap-tiap suku telah mengetahui tempat minumnya (masing-masing). Makan dan minumlah rezeki (yang diberikan) Allah, dan janganlah kamu berkeliaran di muka bumi dengan berbuat kerosakan."

Terjemahan Surah *al-Baqarah* (2): 60.

Berkaitan dengan ayat yang terdapat dalam surah *al-Ḥujurāt* pada huraian di atas, perkataan *al-nās* dihubungkan dengan sifat sosial manusia iaitu berkelompok sama ada perkauman, suku, mahupun bangsa. Sifat berkelompok ini Allah nyatakan setelah Allah menjelaskan bahawa manusia diciptakan daripada jenis lelaki dan perempuan, yang merupakan asal daripada lahirnya suatu kelompok.

Pada mulanya manusia berasal daripada Adam dan Hawa, kemudian lahir kelompok kecil iaitu keluarga sehingga berkembanglah keturunan. Dengan berkembangnya keturunan terbentuklah suatu kelompok yang lebih besar, selanjutnya kelompok ini melahirkan kelompok sosial (*social group*) sama ada suku atau bangsa.

Pada dasarnya semangat terbentuknya kelompok sosial ini tidak akan terlepas daripada enam sebab, iaitu:

1. Faktor keturunan.
2. Faktor persamaan tempat lahir dan tempat hidup atau sering disebut nationalisme (*waṭaniyyah*).

3. Faktor persamaan bahasa.
4. Faktor persamaan warna kulit.
5. Faktor persamaan tujuan.
6. Faktor persamaan peraturan, hukum atau kepemimpinan.[1]

Keenam-enam faktor di atas merupakan dasar lahirnya kelompok sosial, dan ini merupakan fitrah manusia. Kerana manusia seringkali mejadikan sesuatu yang nampak seperti warna kulit, bahasa, keturunan sebagai asas terbentuknya kelompok sosial.[2] Robert S. Feldman menjelaskan bahawa kelompok sosial (*social group*) ini ialah kelompok yang mengandungi 2 orang atau lebih yang saling berhubungan antara satu dengan yang lain, yang di dalamnya terdapat perasaan sebagai satu kelompok serta saling memerlukan.[3]

Secara psikologi manusia dalam berkomunikasi cenderung lebih menyukai dengan yang berdekatan tempat tinggalnya (proximity).[4] Proses komunikasi ini biasanya bermula dari lingkungan sosial terkecil yang ditandai dengan adanya persamaan aktiviti atau persamaan tempat dan saling memerlukan. Seterusnya daripada proses komunikasi ini akan menciptakan ikatan sosial yang mengikat antara individu dalam kelompok tersebut, yang akhirnya terbentuklah suatu kelompok sosial.

---

[1] Al-Anṣāri (1984), *op.cit.*, h. 153.
[2] *Ibid*, h. 121-122.
[3] Robert S. Fieldman (1998), *Social psychology*, 2nd edition, New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River, h. 464.
[4] Rakhmat (1989), *op.cit.*, h.130.

Kelompok sosial dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas diistilahkan dengan perkataan *syu'ūb* dan *qabā'il*, yang mengandungi erti suatu komuniti sosial yang saling bergantungan dan saling memiliki ikatan. Keadaan ini nampak dalam beberapa stuktur sosial masyarakat Arab seperti yang dijelaskan oleh al-Qurtubi, bahawa kelompok sosial yang diistilahkan dengan perkataan *syu'ūb* dan *qabā'il* pada ayat di atas, merupakan gabungan daripada beberapa kelompok sosial yang kecil yang terdapat di bawahnya, iaitu seperti *al-faṣilah*, yang bermakna sanak keluarga, kelompok sosial ini ada di bawah *qabā'il*. Selanjutnya setelah *al-faṣilah* terdapat juga *al-'imārah* yang bermakna kelompok kecil yang berada di bawah *al-faṣilah* (sanak keluarga). Setelah *al-'Imārah* terdapat kelompok kecil lagi yang merupakan bahagian daripadanya iaitu *al-baṭnu*, di bawah *al-baṭnu* terdapat kelompok kecil lainnya yang dinamakan *al-fakhidha*, dan terakhir setelah *al-fakhidha* terdapat kelompok yang terkecil, iaitu *al-'asyirah*.[1]

Jadi pada dasarnya *syu'ūb* itu ialah kumpulan *qabā'il*, dan *qabā'il* ialah kumpulan beberapa *al-faṣilah*, dan *al-faṣilah* kumpulan beberapa *al-'imārah*, dan *al-'imārah* ialah kumpulan beberapa *al-baṭnu*, dan *al-baṭnu* ialah kumpulan daripada beberapa *al-fakhidha*, dan *al-fakhidha* kumpulan daripada *al-'asyirah*.

Sementara itu al-Zamakhsyari memberikan struktur yang berbeza dengan penjelasan al-Qurṭubi di atas, iaitu dengan urutan *syu'ūb*, *qabā'il*, *al-'imārah*, *al-*

[1] Al-Qurṭubi, 1993, *op.cit.*, J. 8, h. 225.

baṭnu, *al-fakhidha*, dan *al-faṣilah*.[1] Sementara Ibn Kathīr mengertikan perkataan *syu'ūb* dan *qabā'il* pada pengertian yang lebih umum, iaitu perkataan *syu'ūb* dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas menunjukkan pada orang-orang 'Ajam (luar Arab), sedangkan perkataan *qabā'il* bermaksud orang-orang Arab.[2]

Di sini penulis tidak akan menghuraikan sebab terjadinya perbezaan tersebut, namun penulis mengamati bahawa kelompok sosial yang diistilahkan dengan perkataan *syu'ūb* dan *qabā'il* pada ayat di atas berasal daripada kelompok-kelompok kecil, seperti keluarga dan kerabat dekat yang akhirnya menjadi kelompok sosial yang lebih besar.

Dalam perkataan *syu'ūb* dan *qabā'il* ini menunjukkan bahawa Islam mengakui bentuk kemajemukan (pluralisme) dalam kehidupan manusia. Namun Islam menggagaskan bahawa kemajemukan tersebut tidaklah menunjukkan perpecahan dan perselisihan, dan bukan untuk saling merendahkan, menghina, mencemuh dan merisik melainkan dengan kemajemukan tersebut dapat mendorong terjadinya bentuk komunikasi dan interaksi antara kelompok.

Keadaan ini terlihat dalam perkataan *lita'ārafū* pada ayat di atas, yang mana pada huruf *lam* menunjukkan perintah, dan pada perkataan *'ārafa* mengandungi erti *musyarakah*, iaitu adanya hubungan saling memahami dan saling pengertian.

---

[1] Al-Zamakhsyari (t.t.), *op.cit.*, J. 3, h. 569.
[2] Ibn Kathīr (1966), *op.cit.*, J. 6, h. 387.

Apabila dihubungkan dengan proses komunikasi antara kelompok-kelompok sosial, maka perkataan *lita'ārafū* ini mengandungi erti adanya perintah sikap saling memahami dan saling mengenal antara satu kelompok kepada kelompok yang lain.[1]

Dengan sikap saling mengenal dan saling memahami ini akan mewujudkan suatu kesatuan komuniti dalam mewujudkan kesatuan sosial yang lebih sempurna. Kerana Islam sangat mengecam sikap *ta'aṣub*, iaitu semangat perkauman tanpa mempunyai sikap saling kerja sama dan sikap yang positif kepada golongan lain. Hal ini nampak dalam penjelasan hadith di bawah ini:

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَى عَصَبِيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ قَاتَلَ عَلَى عَصَبِيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ مَاتَ عَلَى عَصَبِيَّةٍ

Maksudnya:
Daripada Jubayr bin Mut'im sesungguhnya Rasulullah S.A.W. Telah bersabda: "Bukan umat kami yang mengajak pada perkauman (nasionalisme), dan bukan umat kami yang saling membunuh kerana perkauman, dan bukan umat kami yang mati dalam perkauman".[2]
Terjemahan hadith riwayat Abū Dāud.

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عنه قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ خَرَجَ مِنَ الطَّاعَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةِ فَمَاتَ مَاتَ مِيْتَةً جَاهِلِيَّةً وَمَنْ قَاتَلَ تَحْتَ رَايَةٍ عُمِّيَةٍ يَغْضَبُ لِعَصَبَةٍ أَوْ يَدْعُوْ إِلَى عَصَبَةٍ أَوْ يَنْصُرُ عَصَبَةً فَقُتِلَ قِتْلَةً جَاهِلِيَّةً ...

Maksudnya
Diterima daripada Abū Hurairah r.a. dia berkata: Telah sabdda Rasulullah S.A.W.: "Barang siapa yang keluar daripada ketaatan atau

[1] Al-Zamakhsyari (t.t.), *op.cit.*, J. 3, h. 569.
[2] Abū Dāud, Kitab: al-Adab, Bab: al-'Aṣabiyyah, no. hadith: 5121.

> berpecah daripada jama'ah maka matinya ialah mati dalam keadaan Jahiliyah. Dan barang siapa yang saling berperang di bawah pandangan yang salah, marah kerana perkauman, mengajak pada perkauman, menolong kerana perkauman dan dia dibunuh, maka matinya ialah mati dalam keadaan Jahiliyah..."[1]
>
> Terjemahan hadith riwayat Muslim.

Kedua-dua hadith di atas menjelaskan bahawa semangat perkauman yang akan melahirkan perpecahan dan permusuhan sangat dilarang dalam Islam, kerana Islam menghendaki bahawa perbezaan suku dan bangsa serta perbezaan-perbezan yang lainnya mesti dijadikan sarana untuk saling mengenal dan memahami kekurangan serta kelebihannya masing-masing. Semua perbezaan itu hanya pada bentuk zahir sahaja, melainkan pada dasarnya semua sama di hadapan Allah S.W.T., iaitu sebagai hamba-Nya.

Perkataan *lita'ārafū* pada ayat di atas, menunjukkan pada suatu perintah untuk melakukan proses komunikasi lintas sektoral, kerana dalam perintah tersebut adanya suatu mekanisme komunikasi antara kelompok-kelompok sosial yang berbeza, yang mana perbezaan ini mencakup perbezaan kebiasaan, budaya, kepentingan, status sosial, bahasa, warna kulit, puak, bangsa dan negara.

Berkenaan dengan komunikasi antara kelompok-kelompok sosial yang diperintahkan Allah tersebut, maka pada prinsipnya setiap manusia cenderung akan dapat berkomunikasi dengan orang yang mempunyai persamaan dengannya. Kerana

---

[1] Muslim (t.t.), *op.cit.*, Kitab: al-Imārah, Bab: wujūd mulāzimah jamā'ah al-muslim 'inda ẓuhur al-fitan wa fi kulli hāl, no. hadith: 53.

daya tariknya lebih besar dibanding dengan orang yang tidak mempunyai banyak persamaan. Jadi, dalam proses komunikasi antara kelompok-kelompok sosial yang berbeza-beza, peranan komunikator (pembicara) lebih tepat untuk memulai komunikasi dengan mencari persamaan antara semua komunikan (pendengar) yang berbeza tersebut.[1]

Berkaitan dengan ini, sangat tepat dalam Surah *al-Ḥujurāt* di atas, di mana sebelum Allah S.W.T. memerintahkan komunikasi antara kelompok-kelompok yang berbeza, Allah terlebih dahulu menjelaskan persamaan antara mereka, dalam hal ini persamaan sifat manusia secara sosial yang terkandung dalam perkataan *al-nās*, iaitu sifat suka berkelompok.

Orang yang mempunyai persamaan dari segi sosial yang terdiri dari persamaan nilai, sikap, keyakinan, tingkat ekonomi, agama, dan ideologi, akan cenderung saling menyukai.[2] Dari sifat saling menyukai ini seterusnya akan mewujudkan suatu proses komunikasi kelompok yang lebih besar, iaitu komunikasi antara negara.

Menurut Hidetoshi Kato yang dikutip oleh Dr. Astrid S. Susanto, menyatakan bahawa dalam hubungan internasional, apa yang diketemukan dalam komunikasi

[1] Rakhmat (1989), *op.cit.*, h.127.
[2] *Ibid,* h.126.

lintas budaya (*cross-cultural communication*), iaitu hubungan antara bangsa.[1] Proses komunikasi antara budaya (*cross culture communication*) ini bukanlah proses tukar menukar seperti yang terjadi di pasar, melainkan suatu proses komunikasi yang lebih mengarah pada pertukaran budaya, dan ini meliputi keadaan ekonomi, politik serta sosial yang terjadi di satu negara dengan negara lain.

Ini menunjukkan bahawa dalam perkataan *lita'ārafū* mengandungi erti suatu proses komunikasi berupa pertukaran maklumat dari suatu negara kepada negara yang lain dengan tujuan pada peningkatan dan perubahan yang lebih baik. Yang didasari oleh saling memahami dan menghormati maruah masing-masing.

Dengan berkembangnya teknologi komunikasi sekarang ini, proses komunikasi lintas budaya dan lintas sektoral berkemungkinan dilakukan di mana sahaja. Dengan kemajuan teknologi komunikasi ini hampir tidak ada tempat di dunia ini yang tidak dapat dilakukan suatu proses komunikasi. Berbeza dengan zaman dahulu yang mana proses komunikasi seperti ini hanya dapat dilakukan dengan tatap muka atau surat menyurat sahaja.

Di sini dapat diambil suatu hipotesis bahawa Islam mengakui konsep globalisasi, apabila globalisasi tersebut diertikan sebagai suatu proses komunikasi dan interaksi antara manusia tanpa dibatasi oleh batas-batas negara untuk saling mengenal yang selanjutnya dapat menciptakan suatu hubungan yang harmoni

[1] Susanto (1977), *op.cit.*, h. 9.

menuju kearah pembangunan yang lebih baik. Namun Islam pun memberikan kawalan yang ketat terhadap proses ini, yang mana globalisasi tersebut bukan untuk membawa pada bentuk perang dingin, iaitu bentuk penjajahan serta diskriminatif daripada satu puak atau negara kepada puak atau negara yang lain, melainkan proses globalisasi tersebut tidak terlepas daripada tangungjawab manusia sebagai khalifah yang berkewajipan untuk memakmurkan dunia pada kemajuan positif.

Kemajuan yang positif ini salah satunya ditandai dengan adanya pemahaman bahawa semua perbezaan yang ada, hanyalah perbezaan pada pandangan manusia sahaja, melainkan di hadapan Allah semuanya sama. Sebab tidak ada kemuliaan suatu kaum atas kaum yang lain kerana faktor puak, bangsa, warna kulit dan bahasa. Melainkan neraca kemuliaan dihadapan Allah adalah sejauh mana nilai ketakwaan kepada-Nya wujud dalam keyakinan, ucapan dan perilaku.

...إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49): 13.

Dengan pemahaman inilah akan membentuk suatu kehidupan sosial yang harmoni, saling mengenal dan memahami kekurangan dan kelebihan masing-masing puak, suku, dan bangsa. Serta dengan pemahaman ini akan mewujudkan kehidupan komunikasi antara kelompok yang lebih bermakna. *Wa Allahu a'lam.*